

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, ia berkata :
 Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:
 "Yang akan mencapai kebahagiaan dan keuntungan
 melalui syafaatku ialah orang yang mengucap
 kalimah *Lailahaillallah* dengan hati yang ikhlas".
 (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

35 PENERIMA DIKURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN NBD

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada seramai 35 penerima, hari ini.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada para penerima di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
 Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama



KEINDAHAN flora diserlahkan melalui Pertunjukan Seni Landskap, Bunga-bunga Hidup 2026

Muka 5



HIDUPKAN sunnah, tanda kecintaan kepada Rasulullah

Muka 7



MEMASTIKAN penyusuan susu ibu diberikan secara eksklusif

Muka 13



MUHAMMAD Miqdam : Melakar identiti negara dengan warna, sains dan semangat

Muka 21

Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Perdana Menteri

Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta kerajaan dan rakyat Malaysia bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-69.

Empat dekad UTB memacu inovasi, kecemerlangan pendidikan tinggi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalatu
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-14 Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada hari ini.

Dalam kesempatan ini, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang diraikan atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini akan jadi pemangkin bagi kecemerlangan berterusan di masa hadapan. Ucapan tahniah juga kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa memberikan dorongan sehingga para graduan beroleh kejayaan.

Pada tahun ini, UTB telah genap 40 tahun penubuhannya. Sepanjang tempoh tersebut, universiti ini telah berkembang daripada sebuah institut teknologi kepada sebuah universiti yang diiktiraf di peringkat global.

Alhamdulillah, pencapaian ini telah memperteguh lagi peranan dan sumbangan UTB dalam pembangunan pendidikan tinggi negara, yang menjadikannya semakin dikenali di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam era teknologi berkembang pesat, beta gembira melihat teknologi baharu terus membuka ruang kepada pembangunan bakat dan kepakaran anak tempatan. Pada masa ini, teknologi baharu seperti Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dapat dimanfaatkan untuk memperkaya pengalaman dan meningkatkan keberkesanan pengajaran.

Namun dalam pendidikan, beta berpendapat, penggunaan teknologi ini hendaklah kekal berteraskan manusia (*human-centric technology*), bukan untuk menggantikan tenaga kerja secara keseluruhan. AI sama sekali tidak boleh menggantikan fungsi akal, walaupun ia mampu untuk memproses data dengan amat pantas kerana AI tidak mempunyai jiwa dan pertimbangan moral yang hakiki. AI hanya alat untuk membantu manusia memperoleh maklumat, sedang maklumat pula mesti disemak dan dinilai kebenarannya oleh manusia.

Pada hemat beta, setelah empat dekad negara membina keupayaan melalui penubuhan Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT), maka keupayaan ini sewajarnya dapat membuka lembaran baharu bagi IPT memainkan peranannya lebih besar dalam memperkukuh ekosistem inovasi dan sekali gus memperluaskan lagi sumbangannya kepada negara. Ke arah itu, beta menyarankan supaya semua IPT mengambil langkah proaktif memperkemas dasar masing-masing.

Beta telah difahamkan bahawa UTB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei Darussalam (UTB) Ke-14 pada Rabu, 26 Ogos 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

sedang giat mempertingkatkan keupayaan makmal-makmalnya ke arah pensijilan dan akreditasi antarabangsa. Usaha ini juga mampu untuk memantapkan lagi kualiti infrastruktur negara serta memperluaskan sumbangan universiti kepada perkembangan industri berasaskan pengetahuan. Kemajuan di sini tidak dapat dicapai secara bersendirian, melainkan ada kerjasama di antara universiti, industri dan agensi berkepentingan.

Sememangnya kolaborasi strategik antara

universiti dan pihak berkepentingan adalah tunjang kepada usaha UTB dalam menangani isu pengangguran melalui penyediaan graduan yang mahir secara praktikal. Menerusi perkongsian teknologi dan kepakaran akan mampu untuk merapatkan jurang ketidakpadanan (*mismatch*) antara kelulusan akademik dan keperluan sebenar pasaran kerja masa kini.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31	ISNIN	18	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
1	SELASA	19	4.46	4.56	6.14	6.37	12.21	3.28	6.27	7.37
2	RABU	20	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.27	6.26	7.36
3	KHAMIS	21	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.26	6.26	7.35
4	JUMAAT	22	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.25	6.25	7.35
5	SABTU	23	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.24	6.25	7.34
6	AHAD	24	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.23	6.24	7.34

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	32 27 °C	32 26 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	32 27 °C	32 26 °C	HAZE
Pekan Tutong			
33 26 °C	32 27 °C	32 26 °C	HAZE
Kuala Belait			
32 26 °C	32 27 °C	32 26 °C	HAZE

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

31 OGOS 2026

Kesihatan asas kehidupan sejahtera

DALAM meniti arus kemodenan yang semakin pesat, amalan gaya hidup sihat semakin penting dalam kehidupan setiap individu. Gaya hidup sihat merangkumi pelbagai amalan seperti pengambilan makanan yang seimbang, melakukan aktiviti fizikal secara berkala, mendapatkan tidur dan rehat yang mencukupi serta menjaga kesihatan mental. Kesihatan yang baik merupakan aset paling berharga kerana tanpa tubuh badan yang sihat, seseorang sukar menjalani kehidupan dengan sempurna. Oleh itu, setiap individu perlulah menjadikan gaya hidup sihat sebagai amalan harian.

Kesihatan yang optima bukan sekadar bebas daripada penyakit, malah merangkumi kesejahteraan fizikal, mental dan emosi. Tubuh yang sihat membolehkan seseorang menjalani kehidupan dengan lebih aktif, produktif dan ceria. Oleh itu, setiap individu perlulah mengambil berat tentang kesihatan diri sejak usia muda.

Individu yang sihat mempunyai tenaga yang mencukupi untuk melakukan aktiviti seperti belajar, bekerja dan bersukan. Sebagai contoh, pelajar yang menjaga kesihatan dapat memberikan tumpuan yang lebih baik semasa berada di dalam kelas. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

Selain itu, kesihatan yang baik dapat mengurangkan risiko mendapat penyakit. Amalan pemakanan yang seimbang, senaman yang berkala dan tidur yang mencukupi mampu membantu tubuh berfungsi dengan baik. Pengambilan makanan berkhasiat seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan protein juga dapat menguatkan sistem imunisasi badan. Dengan mengamalkan gaya hidup sihat, seseorang dapat mengurangkan kemungkinan menghidap penyakit seperti obesiti, diabetes dan penyakit jantung.

Gaya hidup sihat juga dapat meningkatkan kualiti hidup dan mewujudkan kehidupan yang lebih bahagia. Apabila seseorang sihat dari segi fizikal dan mental, mereka lebih bersemangat untuk melakukan aktiviti yang diminati. Mereka juga dapat meluahkan masa bersama keluarga dan rakan-rakan tanpa terlalu dibelenggu masalah kesihatan. Hubungan sosial yang baik pula dapat memberikan sokongan emosi dan mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni. Dalam hal ini, kesihatan bukan sahaja memberikan manfaat kepada individu, malah turut memberikan kesan positif kepada keluarga dan masyarakat.

Oleh itu, menjaga kesihatan merupakan satu amanah dan tanggungjawab semua. Marilah kita menjadikan penjagaan kesihatan sebagai sebahagian daripada amalan hidup agar dapat menikmati kehidupan yang lebih sihat dan bermakna. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

35 penerima dikurniakan Bintang-bintang Kebesaran NBD



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Awang Haji Abas

>> Muka 1

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa pada Istiadat Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran NBD sempena Hari

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini, menyaksikan seramai tujuh penerima terdiri daripada empat lelaki dan tiga perempuan dikurniakan Darjah Seri Paduka

Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menyempurnakan bagi pengurniaan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) kepada 21 penerima iaitu 17 lelaki dan empat perempuan yang terdiri daripada warga Perkhidmatan Awam daripada pelbagai kementerian juga agensi swasta.

Sementara itu, seramai tujuh

penerima terdiri daripada dua lelaki dan lima perempuan selepas itu dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B).

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik,

Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada para penerima yang dikurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B) dan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada para penerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Bagi memberkati istiadat berkenaan, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, para perwakilan negara sahabat serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran berkenaan bukan sahaja menjadi tanda penghargaan tertinggi terhadap sumbangan dan khidmat bakti para penerima, malah mencerminkan pengiktirafan terhadap peranan mereka dalam mendukung kemajuan,

pembangunan serta kesejahteraan negara selaras dengan usaha bersama dalam memperkukuh pembangunan dan kemajuan NBD.

Selain itu, Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran itu sekali gus menjadi lambang

penghargaan terhadap khidmat dan pengorbanan para penerima, di samping menyemarakkan semangat untuk terus menyumbang kepada negara dan masyarakat dengan penuh amanah, dedikasi dan tanggungjawab.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada para penerima yang dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B) (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



KEBAWAH DYMM berkenan menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas dan kiri sekali).

MENTERI-menteri Kabinet yang hadir pada majlis berkenaan (kiri).

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAKZIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan

menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping; dan Premier of the State Council Republik

Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang, kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China berikutan dengan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh di

Pelabuhan Gyirong, Wilayah Autonomi Xizang, Republik Rakyat China baru-baru ini sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

Lawatan memperkukuh kerjasama keselamatan, penguatkuasaan serantau, antarabangsa

MOSCOW, PERSEKUTUAN

RUSIA, Sabtu, 29 Ogos. - Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof baru-baru ini telah mengadakan Lawatan Kerja ke Persekutuan Rusia dari 27 hingga 29 Ogos 2026, di atas jemputan daripada Setiausaha Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Sergei Shoigu.

Lawatan berkenaan adalah susulan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) yang diperbaharui di antara Jawatankuasa Keselamatan Negara, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia pada April 2024.

Pada 28 Ogos 2026, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II,

telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Setiausaha Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia.

Semasa mesyuarat berkenaan, delegasi NBD dan Persekutuan Rusia telah bertukar-tukar pandangan mengenai perkara-perkara berkepentingan bersama di bawah MoU berkenaan termasuk isu-isu keselamatan di peringkat serantau dan antarabangsa serta peluang-peluang untuk mengukuhkan kerjasama di antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di kedua-dua buah negara khususnya dalam menangani jenayah merentas sempadan.

Kedua-dua buah negara juga telah menzahirkan komitmen untuk merealisasikan objektif-objektif di bawah MoU berkenaan dengan mengadakan usaha-usaha kerjasama yang lebih konkrit dan bermakna, termasuk melalui hubungan yang lebih rapat di antara agensi-agensi berkaitan,

pertukaran maklumat dan pengalaman, pembangunan kapasiti serta pertukaran lawatan.

Semasa mesyuarat dan lawatan kerja dari 27 hingga 29 Ogos 2026 berkenaan, pihak Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia juga telah mengaturkan beberapa siri lawatan yang berkaitan dengan hal ehwal sekuriti dan keselamatan untuk delegasi NBD di kota Moscow dan Saint Petersburg.

Turut hadir bersama Yang Berhormat semasa lawatan kerja berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Adat Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin; Setiausaha Tetap di JPM, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail; Timbalan Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Dayang Hajah Aldila binti Haji Mohamad Salleh; serta pegawai-pegawai dari JPM dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengadakan Lawatan Kerja ke Persekutuan Rusia dari 27 hingga 29 Ogos 2026.

Keindahan flora diserlahkan melalui Pertunjukan Seni Landskap, Bunga-bunga Hidup 2026

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan, dengan sokongan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei bagi tahun kedua, menganjurkan Pertunjukan Seni Landskap dan Bunga-bunga Hidup 2026 di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar, Berakas.

Pertunjukan Seni Landskap dan Bunga-bunga Hidup 2026 berkenaan mengetengahkan pelbagai seni landskap kreatif, pertunjukan flora, tanaman hiasan, serta pengalaman yang menarik buat para pengunjung.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Pertunjukan Seni Landskap dan Bunga-bunga Hidup 2026 dirasmikan oleh Menteri

Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku tetamu kehormat majlis dan turut disertai oleh isteri Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Datin Fadzlin binti Haji Hashim.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Hifzuddin bin Lamudin, sebelum diteruskan dengan upacara perasmian pertunjukan.

Sejurus selepas itu, acara diteruskan dengan sesi lawatan ke taman-taman bertema dan pameran khusus mempamerkan teknik pemilihan serta susun atur tanaman mengikut kesesuaian tapak dan konsep reka bentuk.

Bagi memeriahkan lagi edisi tahun ini, beberapa elemen



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Pertunjukan Seni Landskap dan Bunga-bunga Hidup 2026 (atas dan atas kiri).

landskap baharu serta sistem pencahayaan landskap telah diperkenalkan bagi menyerikan suasana taman pada waktu malam. Sebahagian daripada landskap yang dibangunkan pada tahun ini juga merupakan landskap kekal.

Turut hadir pada acara berkenaan, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, ketua-ketua jabatan, divisyen, dan unit serta pegawai-pegawai dan

kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara berkenaan juga turut disokong oleh Jabatan Perhutanan dan dijayakan oleh rakan-rakan kongsi rasmi, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Muara Port Company Sdn. Bhd., K.N. Nursery (B) Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd. selaku rakan telco rasmi bagi acara berkenaan.

Orang ramai dijemput hadir berkunjung ke pertunjukan berkenaan bermula pada Sabtu, 29 Ogos 2026 hingga Sabtu, 6 September 2026 dari pukul 9.00 pagi hingga 9.00 malam bertempat di Taman Rekreasi Jalan Menteri

Besar dan kemasukan adalah percuma.

Dalam pada itu, para pengunjung berpeluang mendapatkan pelbagai spesies tanaman, produk berkaitan berkebun, dan perkhidmatan landskap daripada vendor hortikultur dan landskap yang terlibat. Pelbagai pilihan reruai makanan dan minuman, *food truck* dan *pop-up cafe* turut disediakan.

Pihak penganjur juga turut mengingatkan orang ramai untuk bersama-sama menyokong gaya hidup yang mampan dengan membudayakan amalan membawa beg guna semula semasa mengunjungi acara berkenaan.

MENINGKATKAN KERJASAMA, MEMPERKUKUH KEMAHIRAN, MOBILITI TENAGA KERJA



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke The 29th ASEAN Labour Ministers Meeting (ALMM) and Related Meetings dan The 14th ASEAN Plus Three Labour Ministers Meeting (ALMM+3) di Bangkok, Thailand.

kerja.

Mesyuarat - mesyuarat berkenaan turut menegaskan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat, pekerjaan yang berkualiti dan inklusif, daya tahan tenaga kerja serta memastikan tenaga kerja serantau dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi dunia pekerjaan masa hadapan.

Yang Berhormat turut mengadakan pertemuan dua hala bersama Menteri Buruh Thailand, Tuan Yang Terutama Julapun Amornvivat; Pemangku Menteri Tenaga Manusia Republik Singapura, Puan Yang Terutama Jasmin Lau dan Director General Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Tuan Yang Terutama Gilbert F. Hounbo, bagi bertukar-tukar pandangan mengenai isu perburuhan, tenaga manusia dan pembangunan tenaga kerja termasuk peluang pembangunan kapasiti dalam bidang-bidang keutamaan.

Dalam pertemuan bersama Menteri Buruh Thailand, kedua-dua pihak membincangkan usaha memperkukuh kerjasama dua hala, termasuk perkembangan Memorandum Persefahaman mengenai kerjasama dalam bidang pekerjaan antara kedua-dua negara, di samping bertukar pandangan mengenai isu-isu semasa seperti peluang pekerjaan dalam ekonomi *gig*.

Manakala, pertemuan bersama Pemangku Menteri Tenaga Manusia Republik Singapura pula

menyentuh mengenai pelaksanaan *progressive wage*, kebolehpasaran graduan, pembangunan tenaga kerja dan kemahiran serta pengurusan tenaga kerja asing, termasuk kepentingan memastikan pendidikan dan latihan adalah selaras dengan keperluan semasa.

Sementara itu, dalam pertemuan bersama Director General ILO, perbincangan tertumpu kepada usaha memperkukuh kerjasama antara NBD dan ILO melalui pembangunan kapasiti, latihan serta sokongan teknikal dan kepakaran, di samping bertukar pandangan mengenai pengukuran kadar pengangguran, pendekatan gaji sara hidup (*living wage*) dan isu-isu perburuhan semasa.

Menjelang persidangan di peringkat menteri, Setiausaha Tetap (Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dayang Siti Norashikin binti Mohammad Salleh telah menghadiri The 22nd ASEAN Senior Labour Officials Meeting dan The 24th ASEAN Plus Three Senior Labour Officials Meeting yang berlangsung pada 24 hingga 25 Ogos 2026.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut turut membincangkan perkembangan pelaksanaan ASEAN Labour Ministers' Work Programme 2026-2030 dan program-program kerja badan-badan subsidiari di bawahnya, serta pelbagai inisiatif dan dokumen hasil ASEAN dalam bidang perburuhan.

Penyertaan NBD di dalam mesyuarat-mesyuarat berkenaan mencerminkan komitmen berterusan negara dalam memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang buruh dan pembangunan modal insan. Ia juga memberi peluang kepada NBD untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik negara, menyumbang kepada pembentukan hala tuju kerjasama ASEAN dan ASEAN Plus Three, serta memastikan pembangunan tenaga kerja negara terus responsif terhadap perubahan dan keperluan dunia pekerjaan masa hadapan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 29 Ogos. - Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman telah mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke The 29th ASEAN Labour Ministers Meeting (ALMM) and Related Meetings dan The 14th ASEAN Plus Three Labour Ministers Meeting (ALMM+3) yang berlangsung pada 26 hingga 27 Ogos 2026 di Bangkok, Thailand.

Persidangan tersebut menghimpunkan Menteri-menteri Buruh daripada Negara-negara Anggota ASEAN bagi membincangkan hala tuju kerjasama serantau dalam memperkukuh pembangunan tenaga kerja serta menangani perubahan dan cabaran dalam dunia pekerjaan.

Persidangan pada tahun ini telah diadakan dengan tema 'Advancing ASEAN Human Capital: Skills Certification towards Global Recognition', yang menekankan kepentingan pembangunan modal insan, pengiktirafan kemahiran

serta penyediaan tenaga kerja ASEAN yang berdaya saing dan bersedia menghadapi keperluan ekonomi masa hadapan.

The 29th ALMM and Related Meetings turut dihadiri secara bersemuka oleh Menteri-menteri Buruh / Ketua-ketua Delegasi dari Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Republik Demokratik Timor-Leste dan Republik Sosialis Viet Nam, manakala Kemboja menyertai mesyuarat secara maya.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-Budaya ASEAN. Seterusnya, the 14th ALMM+3 turut disertai oleh Menteri-menteri Buruh / Ketua-ketua Delegasi dari Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Semasa sesi pertukaran pandangan, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menekankan kepentingan kompetensi dan pensijilan kemahiran yang

disokong oleh ekosistem pembangunan tenaga kerja yang menyeluruh, termasuk pendidikan dan latihan berkualiti, penglibatan industri serta pembelajaran sepanjang hayat.

Ke hadapan, NBD akan terus menyokong kerjasama serantau dalam isu-isu perburuhan termasuk dalam bidang pembangunan kemahiran dan menyokong pekerjaan yang mampan.

Kedua-dua Mesyuarat ALMM Ke-29 dan ALMM+3 Ke-14 menekankan kepentingan untuk memperkukuh pembangunan modal insan dan mempersiapkan tenaga kerja serantau dalam menghadapi perubahan teknologi, peralihan ke arah ekonomi hijau dan digital, perubahan demografi serta perkembangan pasaran buruh.

Antara keutamaan yang diketengahkan termasuk pembangunan kemahiran dan pensijilan yang responsif terhadap keperluan industri, pengukuhan jaminan kualiti dan pengiktirafan kelayakan, penglibatan yang lebih erat dengan pihak majikan dan pekerja, serta peningkatan kerjasama serantau bagi memperkukuh kebolehbandingan kemahiran dan mobiliti tenaga

EDPSGO Ke-33 perkukuh kepimpinan pegawai kanan kerajaan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



RIMBA, Sabtu, 29 Ogos. - Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-33 telah bermula hari ini dengan upacara perasmian yang berlangsung di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian program berkenaan, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor

Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman; Pengarah IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh; serta jemputan khas dan pegawai-pegawai dari beberapa kementerian.

Tetamu kehormat memulakan majlis dengan menyampaikan ucapan perasmian dan



YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian program berkenaan (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada program tersebut.

mengucapkan tahniah kepada 25 peserta yang terpilih menyertai Program Kepimpinan Eksekutif berkenaan.

Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan seterusnya menggalakkan para peserta untuk mengambil peluang berkenaan bagi mengukuhkan lagi kemahiran kepimpinan mereka dalam persediaan untuk menerajui organisasi dalam menghadapi ketidakpastian yang semakin

meningkat berpunca daripada cabaran kompleks seperti perubahan iklim dan digitalisasi.

EDPSGO akan dijalankan dan dianjurkan oleh IPA dengan kerjasama Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore.

Objektif program eksekutif selama 13 minggu berkenaan adalah untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi keupayaan kepimpinan peserta, kemahiran

analitikal dalam bidang dasar awam dan pengurusan strategik serta analisis dan penglibatan pihak berkepentingan.

EDPSGO merupakan program utama di bawah inisiatif Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) yang diwujudkan untuk menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Kelembagaan di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam.

HIDUPKAN SUNNAH, TANDA KECINTAAN KEPADA RASULULLAH



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Ogos. - Menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan antara tanda kecintaan umat Islam kepada Baginda, yang bukan sahaja diamalkan di masjid atau dalam majlis ilmu, malah hendaklah bermula dari rumah.

Perkara tersebut antara inti pati tazkirah bertajuk 'Menghidupkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Bermula di Rumah' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syaria', Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU), Awang Abdul Mu'iid bin Hariel, bagi menyerikan Program Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-244, malam tadi.

Menurut tazkirah tersebut, rumah hendaklah dijadikan tempat mengamalkan ajaran dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, khususnya dalam cara berinteraksi dengan ahli keluarga.

Islam mengajar bahawa berbuat baik tidak semestinya memerlukan harta yang banyak, sebaliknya seseorang mampu membantu melalui kata-kata yang baik, senyuman, dorongan, nasihat yang

lambut dan doa.

Antara bentuk kebaikan kepada keluarga ialah memenuhi keperluan mereka. Memberikan nafkah kepada keluarga bukan sekadar suatu kewajipan, bahkan boleh menjadi ibadah dan sumber pahala apabila dilakukan dengan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam turut memberikan perhatian besar terhadap kebajikan anak yatim dan menyediakan ganjaran yang besar bagi mereka yang mengambil berat terhadap kebajikan anak yatim, lebih-lebih lagi jika mereka terdiri daripada kaum kerabat sendiri.

Akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermula dalam keluarga.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-244.

Antara sunnah yang perlu dihidupkan di rumah termasuklah bercakap dengan lembut ketika marah, memaafkan kesalahan pasangan, menghargai pengorbanan ibu bapa, mendidik anak dengan penuh kasih sayang, menghubungi adik-beradik serta membantu kaum kerabat yang memerlukan.

Ahli keluarga juga hendaklah saling mengingatkan dan menasihati dalam perkara kebaikan serta tidak melupakan kekuatan doa kerana tiada kebaikan yang terlalu kecil di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah para belia Mukim Serasa; belia dan jemaah dari Masjid Kampung Kapok; serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara.

Turut menyertai program berkenaan ialah warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Saiful Adli bin Ali Hassan, Penghulu Mukim Serasa, Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kapok, Daerah

Brunei dan Muara, yang bersiaran dari Masjid Kampung Kapok.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai yang dipimpin oleh Belia Mukim Serasa, Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad Nur Syazwan bin Haji Aminuddin.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pemangku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Zurkain bin Haji Ibrahim.

Sejurus selesai tazkirah, acara diteruskan dengan bacaan Selawat Taffriyyah yang dipimpin oleh Ketua Kampung Kapok, Daerah Brunei dan Muara, Awang Shahminan bin Haji Abd. Rahman.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Mohammad Raffi bin Duming, Imam Tingkat 1, Masjid Kampung Kapok, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam, serta seluruh rakyat dan penduduknya, sentiasa dipelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang dipanjatkan serta diaminakan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Wadah memperkuat kecintaan terhadap Rasulullah

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Jabatan Perkhidmatan Pergigian dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, pagi tadi menganjurkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Sambutan Maulud Rasul Kementerian Kesihatan bertujuan untuk memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang merupakan utusan terakhir-Nya dan

pembawa rahmat kepada seluruh alam.

Selain itu, ia memberi peluang kepada warga kementerian berkenaan untuk mengenang kembali sirah kehidupan Baginda, akhlak mulia serta perjuangannya dalam menyebarkan agama Islam.

Di samping itu juga, sambutan berkenaan menjadi wadah untuk memperkuat kecintaan terhadap Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menanamkan nilai-nilai murni yang diajarkan oleh Baginda dalam kehidupan seharian.

Bahkan, aktiviti seperti ceramah agama dan zikir selawat akan turut menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan keimanan dalam kalangan warga Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Metassim.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Maulud Rasul bertajuk 'Contohi Akhlak Rasulullah Dalam Menanai Perintah Allah' yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Majlis seterusnya diserikan lagi dengan tausyeh beramai-ramai

dikepalai oleh Ahabab Al-Hadi daripada Kumpulan Tausyeh Belia Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Majlis berkenaan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan yang juga dibacakan oleh Awang Ahmad Syuja'iee.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Menyentuh mengenai penyelidikan dan pembangunan, beta berharap supaya usaha-usaha yang dilaksanakan oleh UTB akan terus memantapkan keupayaan inovasi universiti. Inovasi ini tidak boleh bermula dan berakhir di dalam makmal semata-mata tetapi mesti dipacu oleh minda yang kreatif dan rangkaian kolaborasi strategik antarabangsa.

Demi mendukung hasrat suci, UTB perlu memastikan program-program yang ditawarkan sentiasa responsif terhadap perubahan industri supaya setiap graduan memiliki kebolehpasaran yang tinggi. Namun beta ingin berpesan, apa pun ilmu yang diburu, Islam sama sekali jangan ditinggirkan. Kerana Islam itu adalah suluh segala ilmu dan jalan lurus yang tidak pernah bengkok-bengkok.

Untuk akhirnya, beta merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga UTB yang merangkumi Ahli-ahli Majlis dan Senat, Naib Canselor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha kita dan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan di mana Ceramah Maulud Rasul disampaikan oleh Penolong Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar (atas dan kiri).

TASKA, SEKOLAH RENDAH YSHHB SAMBUT JUBLI PERAK PENUBUHAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) dan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Sekolah Rendah YSHHB) hari ini mengadakan Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak sempena 25 Tahun Penubuhan TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB.

Majlis yang berlangsung di dewan Sekolah Rendah YSHHB berkenaan diadakan bagi memperingati perjalanan dan perkembangan TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB sepanjang 25 tahun dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti serta melahirkan generasi yang berilmu, berdisiplin dan berakhlak mulia.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat serta bacaan

ayat-ayat suci Al-Quran dan terjemahannya yang dibacakan oleh dua pelajar Tahun 5 Venus Sekolah Rendah YSHHB, iaitu Dayang Nur Majeedah Bazirah binti Osman (pembaca ayat Al-Quran) dan Dayang Nur 'Izzah As-Shafwah binti Awang Haji Mohamad Zul'izzi (pembaca terjemahan).

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad, selaku Pengerusi Majlis.

Kemuncak acara Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak didahului dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis, yang menggariskan tema Sambutan Jubli Perak, iaitu 'Dibina Dengan Dedikasi, Menyemai Wawasan, Menyantun Generasi' jelas menggambarkan perjalanan, perjuangan dan impian sekolah yang telah ditempuhi selama 25 tahun.

Perjalanan berkenaan jelas Yang Berhormat, seharusnya menjadi inspirasi untuk kita bukan sahaja mengenang kejayaan yang telah dicapai, tetapi juga merancang masa depan yang lebih

gemilang.

Dunia pendidikan, tambah Yang Berhormat lagi, sentiasa berkembang, dan kita perlu memastikan bahawa anak-anak yang dididik hari ini mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran abad ke-21 dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai murni dan daya tahan yang tinggi.

Terang Yang Berhormat lagi, dalam dunia pendidikan yang sentiasa berkembang, TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB perlu terus beradaptasi dengan perubahan zaman dan bergerak ke hadapan dengan memperkasa kualiti pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan aspirasi negara dan tuntutan era globalisasi.

"Dalam konteks ini, saya amat yakin bahawa TASKA dan Sekolah Rendah Yayasan akan terus menjadi institusi yang unggul dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia, berfikir kreatif serta mampu menyumbang kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat dalam ucapannya turut merakamkan penghargaan kepada guru-guru yang menjadi tonggak utama dalam kejayaan pendidikan dan mengekalkan kepercayaan masyarakat selama lebih 25 tahun.

Penghargaan juga, jelas Yang Berhormat lagi, dizahirkan kepada semua mantan pemimpin-pemimpin sekolah yang pernah berkhidmat di sekolah berkenaan, di mana segala usaha, kepimpinan, pengorbanan dan komitmen yang telah dicurahkan oleh para mantan, adalah asas kukuh kepada kemajuan, kecemerlangan serta pelbagai pencapaian yang dinikmati oleh sekolah pada hari ini.

Dan kepada para penerima Anugerah 25 Tahun Perkhidmatan pada majlis yang penuh bermakna ini kata Yang Berhormat lagi, anugerah berkenaan merupakan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak sempena 25 Tahun Penubuhan TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB (atas), manakala gambar bawah kiri, antara persembahan pada majlis berkenaan.

pengiktirafan terhadap kesetiaan, komitmen, dedikasi serta khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan dalam mendidik anak bangsa dan menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara.

Sejurus itu, atur cara diteruskan dengan perasmian Sambutan Jubli Perak Penubuhan TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB, diikuti dengan acara pemotongan Kek Jubli Perak yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis kemudian diteruskan dengan tayangan video montaj khas yang menelusuri sejarah penubuhan, perkembangan serta pencapaian TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB sepanjang 25 tahun penubuhannya dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berdaya maju.

Acara juga turut diserikan dengan beberapa persembahan pentas daripada para pelajar TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB.

Turut menjadi pengisian bermakna semasa Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak

berkenaan ialah penyampaian anugerah dan sijil penghargaan kepada mantan ketua pegawai eksekutif, pengetua dan penolong pengetua, serta tenaga pengajar yang telah berkhidmat selama 25 tahun dan lebih, sebagai pengiktirafan atas jasa dan sumbangan mereka kepada TASKA YSHHB dan Sekolah Rendah YSHHB yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Atur cara majlis diteruskan dengan lawatan ke Galeri Jubli Perak yang menampilkan dua segmen, iaitu Galeri Tautan Kasih : Nostalgia 25 Tahun dan Galeri Seni Lukisan.

Galeri Tautan Kasih : Nostalgia 25 Tahun memaparkan koleksi album dan video kenangan yang merakam sejarah penubuhan, perkembangan, pencapaian serta pelbagai aktiviti sepanjang 25 tahun, manakala Galeri Seni Lukisan mengetengahkan hasil karya para pelajar yang menggambarkan aspirasi dan pengalaman mereka terhadap sekolah melalui karya seni visual.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.



KMB, Rumi Events anjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Maulidur Rasul



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Ogos, Ahad. - Kumpulan Meraih Berkah (KMB) dengan kerjasama dan pengendalian bersama Rumi Events menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran KMB sempena Maulidur Rasul 1448 Hijrah, di Ruang Legar, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Majlis tersebut merupakan

Aktiviti Ke-4 di bawah Program Brunei Darussalam Berselawat (PBDB), bersempena menyambut Bulan Maulidur Rasul 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis berkenaan menjadi salah satu wadah untuk menyemarakkan kecintaan terhadap Al-Quran dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, selain mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan jemaah KMB yang datang dari pelbagai daerah dan latar belakang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Antara pengisian utama majlis termasuk selawat dan Doa Memohon Syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bacaan Sayyidul Istighfar dan Al-Fatihah, bacaan Khatam Al-Quran, bacaan Takhtim, bacaan Doa Khatam serta Zikir Asyragal.

Majlis turut diserikan dengan sesi ziarah jemaah khatam bersama tetamu kehormat dan pembahagian bunga telur.

Sebagai sebahagian daripada pengisian kebajikan dan kemasyarakatan, sampul Maulidur Rasul turut disampaikan kepada anak-anak yatim.

Dalam pada itu, KMB menyampaikan cenderahati kepada tetamu kehormat sebagai tanda penghargaan atas kesudian hadir dan bersama-sama memeriahkan majlis berkenaan.

Majlis kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran, Doa Penutup dan Doa Kafarah.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Meraih Berkah sempena Maulidur Rasul 1448 Hijrah (atas), manakala gambar kanan, antara yang menyertai majlis berkenaan.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran itu diharap dapat terus menyuburkan kecintaan masyarakat terhadap Al-Quran, memperkukuhkan ukhuwah dan silaturahim, selain menyemarakkan semangat berselawat serta menghayati ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis berkenaan turut menjadi sebahagian daripada usaha berterusan PBDB dalam menghimpunkan masyarakat menerusi pengisian keagamaan, kebajikan dan kemasyarakatan, selaras dengan semangat bersama-sama menyemarakkan kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN ANJURAN PGGMB RAIKAN 208 PESERTA



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir di Majlis Khatam Al-Quran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun berkenaan.



JERUDONG, Ahad, 30 Ogos. - Seramai 208 peserta khatam diraikan pagi tadi pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun, bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, di sini.

Majlis yang dianjurkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu

Brunei (PGGMB) berkenaan juga diadakan bersempena dengan ulang tahun penubuhan PGGMB yang telah mencapai usia 87 tahun penubuhannya pada tahun 2026.

Hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Juga hadir, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Tadbir PGGMB.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan dan diiringi isyarat kod tangam Al-Quran oleh Pelajar Istimewa.

Acara diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai bermula daripada Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas, diikuti dengan bacaan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Takhtim dan Tahlil serta bacaan Doa Khatam oleh para peserta khatam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Dikir Marhaban dan Doa Selamat. Aktiviti tahunan PGGMB berkenaan dikelolakan oleh Bahagian Agama PGGMB dengan kerjasama Bahagian Wanita dan Kebajikan, guru-guru besar dan guru-guru sekolah-sekolah PGGMB, serta kakitangan ibu pejabat dan sekolah PGGMB.

Majlis antara lain diadakan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan umur panjang, kesihatan yang berpanjangan dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan

berlandaskan Al-Quran 'Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur'.

Ia dihasratkan untuk mengenang jasa dan mendoakan keampunan serta memohon rahmat Allah Subhanahu Wata'ala ke atas roh para pengasas penubuhan PGGMB.

Selain itu, Majlis Khatam Al-Quran juga diadakan untuk meraikan individu atau kumpulan yang telah selesai membaca keseluruhan 30 juzuk Al-Quran serta memperoleh keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Penubuhan PGGMB diasaskan pada tahun 1937 dan didaftarkan secara rasmi pada tahun 1939, dengan matlamat awal untuk menjaga kepentingan serta meningkatkan taraf hidup guru-guru Melayu Brunei.



TURUT hadir, Yang Dipertua PGGMB serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Tadbir PGGMB (atas kiri). Manakala gambar atas, antara para Muslimah yang hadir memeriahkan majlis tersebut.

DBP adakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Mastera

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BERAKAS, Sabtu, 29 Ogos. - Penubuhan Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) dihasrat untuk memperkukuh kerjasama dalam memartabatkan bahasa dan persuratan Melayu di peringkat serantau.

Sehubungan itu, bagi memperingati Sambutan Penubuhan Mastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah selaku Sekretariat Mastera Brunei Darussalam dengan kerjasama Organisasi Alumni Program Penulisan Mastera (OPERA)

peringkat Negara Brunei Darussalam (NBD) mengunakayahkan Majlis Perasmian Sambutan Hari Mastera bertempat di Balai Sarmayuda DBP, di sini.

Majlis tersebut juga disiarkan secara siaran langsung melalui media sosial rasmi Facebook DBP Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing sekali gus melafazkan perasmian Hari

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian Hari Mastera dan melancarkan media sosial rasmi Instagram OPERA Peringkat Negara Brunei Darussalam.

Mastera dan melancarkan media sosial rasmi Instagram OPERA Peringkat NBD.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, merangkap Pemangku Pengerusi Mastera NBD, para Pegawai Kanan DBP, perwakilan Negara Anggota Mastera (melalui media sosial rasmi DBP), keanggotaan sidang Mastera, para sasterawan, penulis-penulis serta penggiat-penggiat sastera tanah air.

Pemangku Pengarah DBP dalam ucapan alu-aluannya menzahirkan rasa kesyukuran terhadap muafakat Mastera yang membuktikan keutuhan kerjasama serantau melalui pelbagai projek kesusasteraan yang berimpak tinggi sejak penubuhannya pada tahun 1995.

Tambah beliau, majlis ini adalah untuk memperingati hari penubuhan tersebut, dengan matlamat memasyarakatkan kegiatan sastera. Mastera bertindak sebagai jambatan yang memperkukuh jaringan serantau dalam

menghayati sosiobudaya melalui lensa pemikiran para sasterawan.

Kemuncak acara ialah Lafaz Perasmian Sambutan Hari Mastera dan Pelancaran Media Sosial Rasmi Instagram *opera_brunei.bn* oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut didukung dengan Rakaman Ucapan Perutusan daripada Pengerusi dan Ketua Negara Anggota Mastera, iaitu Kepala Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Bapak Hafidz Muksin merangkap Ketua Mastera Indonesia; Ketua Pengarah DBP Kuala Lumpur, Yang Berbahagia Datuk Dr. Hazami bin Jahari, merangkap Pengerusi Mastera Malaysia dan Timbalan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, Dr. Azhar Ibrahim, merangkap Pengerusi Mastera Singapura.

Majlis kemudian diteruskan dengan Syarahan Mastera yang disampaikan oleh Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah, selaku Anggota Sidang (Pakar) Mastera NBD.

Dalam syarahan bertajuk 'Mastera : Wadah Kesusasteraan Serantau, dari Piagam kepada Perkembangan Sastera Melayu-Indonesia', Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim menyatakan bahawa Mastera, NBD bukan sekadar menerima pengalaman daripada negara lain, tetapi turut menyumbang kepada pandangan alam, nilai Melayu Islam Beraja,

tradisi persuratan Islam, pengalaman sejarah kesultanan dan keunikan masyarakat kepada khazanah sastera serantau. Ringkasnya, kesusasteraan NBD bergerak dari ruang kebangsaan menuju ke ruang serantau melalui Mastera, tanpa kehilangan identiti jati diri.

Acara diikuti dengan persembahan seni oleh OPERA NBD serta Lantunan Seni Suara Mastera.

Seterusnya, penyampaian sijil dan cenderamata disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada keanggotaan Mastera sejak tahun 1995 hingga 2026 sebagai penghargaan kepada sumbangan serta khidmat bakti yang telah dicurahkan.

Sambutan Hari Mastera merupakan acara tahunan yang dipersetujui oleh Negara-negara anggota Mastera, iaitu NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan Thailand.

Penganjurannya bertujuan memperingati hari penubuhan Mastera, iaitu pada 12 Ogos setiap tahun; membariga, mempromosikan dan menyebarluaskan peranan Mastera sebagai badan yang merancang dan memantau perkembangan sastera Melayu / Indonesia di rantau ini serta, memasyarakatkan kegiatan sastera melalui Mastera kepada khalayak secara umum dengan kerjasama Negara Anggota Mastera.

MOU PERKUKUH KERJASAMA DALAM BIDANG PENDIDIKAN, LATIHAN KEHAKIMAN



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

JERUDONG, Ahad, 30 Ogos. - Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diwakili oleh Unit Pendidikan dan Latihan Kehakiman (JET), dan Mahkamah Besar Republik Filipina yang diwakili oleh Philippine Judicial Academy (PHILJA) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan kehakiman.

MoU tersebut ditandatangani oleh Pemangku Ketua Pendaftar, Dayang Hajah Hazarena binti POKSJ DP Haji Huraiah bagi pihak Mahkamah Besar NBD dalam kapasiti beliau sebagai Pengerusi

Unit Pendidikan dan Latihan Kehakiman dan Canselor Edgardo L. Manakala, Delos Santos, bagi pihak Philippine Judicial Academy.

Majlis penandatanganan berkenaan disaksikan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong, dan Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo. Turut hadir menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Dato Paduka Haji Abdullah Soefri bin POKSJ DSP Haji Abidin, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Muhammed Faisal bin PDJLD

MOU tersebut ditandatangani oleh Pemangku Ketua Pendaftar, Dayang Hajah Hazarena binti POKSJ DP Haji Huraiah bagi pihak Mahkamah Besar NBD dalam kapasiti beliau sebagai Pengerusi Unit Pendidikan dan Latihan Kehakiman. Majlis penandatanganan berkenaan disaksikan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong.

Colonel (Bersara) DSP Haji Kefli, dan Puan Bernadette A. Mendoza, Chargé d'Affaires Kedutaan Besar Republik Filipina.

MoU tersebut mencerminkan komitmen bersama kedua-dua Badan Kehakiman untuk terus mempromosi kerjasama dalam memajukan pendidikan kehakiman dan memupuk pertukaran profesional. Melalui MoU tersebut, kedua-dua Badan Kehakiman akan meneroka kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk pertukaran kepakaran dan amalan terbaik dalam pendidikan kehakiman, aktiviti latihan dan pembinaan keupayaan, pembangunan dan perkongsian sumber pendidikan, program dan inisiatif kolaboratif, serta peluang pertukaran profesional dan rangkaian.

Dalam ucapan alu-aluan, Ketua Hakim mengatakan, "MoU ini memberikan rangka kerja dan kini merupakan giliran bagi institusi kita

masing-masing, serta lebih penting, warga kerja kita, untuk menghidupkan rangka kerja berkenaan". Bahkan, Ketua Hakim juga berharap MoU tersebut akan membolehkan para hakim, pegawai kehakiman dan kakitangan mahkamah dari NBD dan Republik Filipina untuk menyertai program satu sama lain, di samping berkongsi pengalaman serta sumber pendidikan, membangunkan inisiatif bersama, dan menjalin hubungan persahabatan profesional.

Majlis Penandatanganan tersebut menandakan satu langkah yang penting dalam perkembangan kerjasama kehakiman dua hala di antara NBD dan Republik Filipina, serta menyediakan asas bagi

hubungan lanjut antara kedua-dua Badan Kehakiman pada tahun-tahun mendatang.

Ini merupakan memorandum keenam yang ditandatangani di antara Mahkamah Besar NBD dengan Badan Kehakiman di luar negara, selepas pemeteraian memorandum bersama Mahkamah Besar Republik Rakyat China pada 21 September 2004 dan telah diperbaharui pada 6 Februari 2025, Department of Justice of the Hong Kong (SAR) pada 4 Mei 2023, Mahkamah Besar Republik Singapura pada 18 Julai 2023, Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 6 Mac 2024 dan Badan Kehakiman Republik Peru pada 12 November 2024.

NBD alami keadaan berjerebu

Siaran Akhbar : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini mengalami keadaan berjerebu. Sejak beberapa hari lepas, imej satelit yang diterima dari ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) mengesan sebanyak 514 titik panas pada 27 Ogos 2026, 1734 titik panas pada 28 Ogos 2026 dan 1180 titik panas pada 29 hari bulan Ogos 2026 di kepulauan Borneo.

Titik panas ini kebanyakannya dikesan di bahagian Barat Borneo, terutamanya di kawasan Kalimantan Tengah dan Barat. Angin barat daya yang bertiup ke arah NBD serta asap jerebu daripada titik panas tersebut telah mengakibatkan keadaan berjerebu di negara ini.

Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi memaklumkan bahawa NBD pada masa ini berada dalam Monsun Barat Daya, di mana angin pada amnya bertiup dari arah Barat Daya di rantau ini.

Berdasarkan ramalan turunan hujan tinjauan bermusim bagi bulan Ogos 2026, jumlah turunan hujan bagi NBD diramalkan Sedikit Bawah Normal, dengan jumlah turunan hujan sekitar 20 peratus hingga 40 peratus di bawah nilai normal bulanan bagi bulan Ogos, iaitu 230 mm.

Pada masa yang sama, suhu udara maksimum harian dijangka berada dalam lingkungan 33 darjah Celsius hingga 36 darjah Celsius. Bacaan kualiti udara yang dicatatkan di semua stesen pemantauan kualiti udara PM10 (Bahan Partikulat 10) di keempat-empat daerah adalah di tahap Baik ke Sederhana.

Bacaan indeks pencemaran PSI yang tertinggi hari ini (Ahad, 30 Ogos 2026) sejak pukul 9.00 pagi hingga pukul 4.00 petang, dicatatkan seperti berikut iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, kualiti udara adalah dalam keadaan sederhana dan bacaan PSI sekitar 73 manakala bagi Daerah Belait pula, kualiti udara adalah baik dan bacaan PSI sekitar 50.

Seterusnya, Daerah Temburong, kualiti udara adalah sederhana dan bacaan PSI sekitar 63 dan Daerah Tutong pula, kualiti udara adalah sederhana dan bacaan PSI sekitar 70. Bacaan PSI kurang daripada 50 adalah bagi keadaan kualiti udara baik. Bacaan PSI di antara 50 dan 100 adalah sederhana.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai bahawa pada bacaan PSI sederhana (di antara 50 dan 100), mereka yang tidak mempunyai masalah kesihatan bolehlah melakukan aktiviti luar, manakala bagi kanak-kanak, wanita mengandung, warga tua dan mereka yang menghidap penyakit asma, penyakit paru-paru dan penyakit jantung, atau mempunyai alahan kepada debu adalah dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah.

Orang ramai yang mengalami gejala seperti batuk berpanjangan atau sesak nafas adalah dinasihatkan untuk berjumpa doktor di pusat kesihatan terdekat. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) sentiasa terus memantau situasi dari semasa ke semasa.

Orang ramai akan dimaklumkan mengenai dengan kualiti udara melalui stesen-stesen radio RTB, laman sesawang dan Instagram jabatan. Orang ramai dinasihatkan untuk segera menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat menerusi Talian Kecemasan 995 sekiranya berlaku sebarang kejadian kebakaran hutan atau rumput.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka atau apa-apa aktiviti lain yang boleh memburukkan keadaan, terutamanya semasa musim kering. Orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan.

Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang www.env.gov.bn dan Instagram (@jastre.bn) manakala maklumat dan nasihat kesihatan juga boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang www.moh.gov.bn atau Instagram rasmi Kementerian Kesihatan.

Maklumat cuaca terkini boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih Brunei WX atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.met.gov.bn serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook (@bruneivweather), Instagram (@brunei.weather), Telegram dan WhatsApp (Brunei Weather).

Ceramah Perdana sempena Jubli Intan MHBPT

Siaran Akhbar : Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong

Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar bawah kanan, ceramah disampaikan oleh Penceramah Undangan, Naib Canselor Universiti Islam Selangor Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Haji Mohd. Farid Ravi bin Abdullah.

TUTONG, Sabtu, 29 Ogos. - Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) telah menganjurkan Majlis Ceramah Perdana Kedua sempena dengan Sambutan Jubli Intan Ke-60 Tahun masjid berkenaan, berlangsung di Dewan Solat Utama MHBPT.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Ceramah bertajuk 'Kembali Kepada Fitrah' telah disampaikan oleh Penceramah Undangan, Naib Canselor Universiti Islam Selangor Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Haji Mohd. Farid Ravi bin Abdullah antara lain menyentuh mengenai fitrah roh dan jasad.

"Jika rohnya yang baik maka baiklah jasadnya. Sebaliknya, jika roh itu buruk maka buruklah jasadnya. Di samping itu, dalam menjalani kehidupan di dunia dan perjalanan menuju ke akhirat, kita perlu meningkatkan kesedaran mengenai syariat dan memperkukuh iman dengan penuh istiqamah," jelasnya.

Ceramah Perdana telah dihadiri oleh kira-kira 500 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, Muslimah dari masjid-masjid di Daerah Tutong dan orang ramai.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Imam MHBPT, Awang Sahibol Omar bin

Haji Yussof dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada penceramah undangan dan tetamu kehormat majlis.

Beberapa aktiviti dan program-majlis ilmu termasuk Forum Belia, Kempen Derma Darah, Tazkirah dan lain-lain telah dirancang dan disusun bagi mengimarahkan masjid dan meraikan Sambutan Jubli Intan MHBPT di sepanjang tahun ini.

MHBPT telah dirasmikan pada 26 Ogos 1966 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (yang pada ketika itu bergelar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah).

MHBPT merupakan masjid utama di Daerah Tutong, bukan sahaja dihasratkan sebagai sebuah tempat beribadat tetapi juga dimanfaatkan untuk pelbagai program dan aktiviti bagi memperkukuh hubungan antara penduduk dan masyarakat dan tumpuan bagi acara-acara keraian dan sambutan hari-hari kebesaran Islam dan negara.



MEMPERKUKUH KERJASAMA, DIALOG DALAM MENANGANI CABARAN GLOBAL, SERANTAU

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 29 Ogos. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah menghadiri Persidangan 2nd Inter-Parliamentary Speakers' Conference (ISC-2) yang diadakan pada 26 hingga 28 Ogos 2026 di Phnom Penh, Kemboja.

Hadir bagi mewakili MMN ke persidangan tersebut ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman

bin Haji Ibrahim.

Persidangan tersebut yang dianjurkan bersama oleh Dewan Senate dan National Assembly of the Kingdom of Cambodia telah dirasmikan oleh President of the Senate of the Kingdom of Cambodia, Yang Berhormat Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.

Diadakan di bawah tema 'Solidarity for Peace and Shared Prosperity : Strengthening

International Law and Resolving Conflicts Peacefully', persidangan tersebut menghimpunkan Speaker, pemimpin serta wakil-wakil parlimen dan organisasi antara parlimen dari pelbagai negara bagi bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu kepentingan bersama, khususnya dalam memperkukuh keamanan, kerjasama antarabangsa dan penyelesaian konflik secara aman.

Dalam sesi perbincangan umum, delegasi-delegasi yang hadir mengongsikan pandangan mengenai kepentingan memperkukuh kerjasama dan dialog dalam menangani cabaran global dan serantau.

Berucap semasa sesi perbincangan umum tersebut, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman turut menggariskan kepentingan diplomasi parlimen dalam memberikan sumbangan bermakna dalam mempromosi

keamanan dan kemakmuran bersama.

Sebagai sebahagian daripada program sampingan persidangan, para ketua delegasi turut berkesempatan menghadiri Majlis Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja yang berlangsung di Royal Palace, Phnom Penh pada 27 Ogos 2026.

Selain itu, para ketua delegasi juga berkesempatan mengadakan Majlis Kunjungan Hormat kepada Perdana Menteri Kemboja, Tuan

Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet yang berlangsung di Peace Palace, Phnom Penh pada 28 Ogos 2026.

Persidangan diakhiri dengan penerimaan dan kelulusan Phnom Penh Declaration, yang mencerminkan komitmen bersama untuk memperkukuh solidariti, keamanan dan kerjasama antarabangsa, serta menggalakkan penghormatan terhadap undang-undang antarabangsa dan penyelesaian pertikaian secara aman melalui dialog dan rundingan.

Masjid pusat penyatuan ummah, penyuburan ilmu, pembentukan generasi

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Sabtu, 29 Ogos. - Bersempena dengan Sambutan Jubli Intan Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong (MHBPT), malam tadi telah diadakan Majlis Ceramah Perdana yang berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Ceramah bertajuk 'Mari Mengimarahkan Masjid' telah disampaikan oleh penceramah undangan, Naib Canselor, Universiti Islam Selangor, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Haji Mohd. Farid Ravi bin Abdullah.

Antara inti pati ceramah yang disampaikan termasuklah mengenai masjid yang bukanlah hanya sekadar sebagai sebuah tempat beribadah sahaja, bahkan juga berfungsi sebagai pusat penyatuan ummah, penyuburan ilmu dan pembentukan generasi yang dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Haji Mohd. Farid Ravi turut menyentuh mengenai kepentingan menjaga kebersihan masjid dan setiap pengunjung setiap kali memasuki masjid.

Majlis pada malam berkenaan terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Imam MHBPT, Awang Sahibol Omar bin Haji Yussof, dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada penceramah undangan dan tetamu kehormat majlis.

Ceramah Perdana berkenaan dihadiri oleh lebih 300 orang daripada berbagai peringkat umur. Bagi memohon keberkatan dan kelancaran Sambutan Jubli Intan MHBPT, Majlis Sembahyang Hajat dan Doa Hajat telah diadakan pada Rabu, 26 Ogos 2026 lepas, diikuti dengan beberapa aktiviti program majlis ilmu termasuk Forum Belia, Kempen Menderma Darah, Tazkirah dan lain-lain yang telah dirancang dan disusun bagi mengimarahkan masjid dan meraikan Sambutan Jubli Intan MHBPT di sepanjang tahun ini.

MHBPT telah dirasmikan pada 26 Ogos 1966 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang pada ketika itu bergelar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah.

MHBPT yang merupakan masjid utama di Daerah Tutong bukan sahaja dihasratkan sebagai sebuah tempat beribadat tetapi juga dimanfaatkan untuk pelbagai program dan aktiviti bagi memperkukuh hubungan antara penduduk dan masyarakat serta tumpuan bagi acara-acara keraian dan Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan negara.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Perdana berkenaan. Hadir sama, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai; dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir mewakili MMN pada Persidangan 2nd Inter-Parliamentary Speakers' Conference (ISC-2).



Peluang ahli parlimen berkongsi perkara berkepentingan bersama



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir menyertai Seminar bagi Ahli-ahli Parlimen ASEAN 2026 di Beijing, Republik Rakyat China, baru-baru ini (atas dan bawah).

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Sabtu, 29 Ogos. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin baru-baru ini telah menyertai Seminar bagi Ahli-ahli Parlimen

ASEAN 2026 (2026 Seminar for ASEAN Parliamentarians) yang berlangsung dari 20 hingga 27 Ogos 2026 di Beijing, Republik Rakyat China.

Dengan tema 'Strengthening Exchanges Among Legislatures to Foster the China-ASEAN

Comprehensive Strategic Partnership', seminar berkenaan telah memberi peluang untuk ahli-ahli parlimen daripada Negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China membincangkan perkara-perkara berkepentingan bersama seperti kerjasama ekonomi, pembangunan, pertanian serta kerjasama perdagangan.

Delegasi MMN turut berkongsi pengalaman serta saling bertukar pandangan mengenai pengalaman negara dalam isu-isu yang berkepentingan bersama serta menekankan komitmen negara dalam mengukuhkan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-China.

Program berkenaan juga menyediakan peluang bagi lawatan ke Wilayah Hainan bagi melihat secara langsung perkembangan pembangunan wilayah berkenaan terutamanya sebagai hab sektor kesihatan, teknologi, pertanian dan perdagangan termasuk Hainan Free Trade Port, Boao Lecheng International Medical Tourism Pilot Zone, Wenchang Launch Station dan Chinese Academy of Tropical Agricultural Sciences.



MEMUPUK BUDAYA MEMBACA AL-QURAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

TUTONG, Sabtu, 29 Ogos. - Bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui

Bahagian Imarah, dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Penanjong, telah mengadakan Pertandingan Membaca Al-Quran Secara Murattal bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Jemaah Masjid dan Muslimah Masjid Warga Emas Berumur 70 Tahun Ke Atas Senegara bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Pertandingan berkenaan diadakan di Masjid Kampung Penanjong.

Pengaturan pertandingan berkenaan bertujuan untuk menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar Negara Brunei Darussalam terus menjadi sebuah Negara Zikir dan rakyatnya celik Al-Quran, di samping memupuk budaya membaca Al-Quran dalam kalangan warga emas.

Selain itu, pertandingan berkenaan dihasratkan dapat meningkatkan kecintaan dan penghayatan warga emas

terhadap Al-Quran, khususnya dalam aspek bacaan secara murattal dan penguasaan ilmu tajwid.

Pertandingan berkenaan juga memberikan peluang kepada golongan warga emas untuk mempersembahkan bacaan Al-Quran di khalayak ramai, di samping mencungkil bakat dan kebolehan mereka serta seterusnya menyemarakkan syiar Islam.

Program berkenaan turut menjadi wadah untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga emas serta memupuk semangat keislaman, keimanan dan kesatuan Islamiah melalui penglibatan dalam aktiviti yang berteraskan Al-Quran.

Pertandingan berkenaan terbahagi kepada dua kategori, iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan.

Johan bagi Kategori Lelaki ialah Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Mohd. Salleh dari Masjid Kampung Tanah Jambu; manakala naib johan disandang oleh Awang Dayem bin Haji Ali dari Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau; sementara tempat ketiga milik Awang Haji Chuchu

bin Haji Jalil dari Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang.

Sementara johan bagi Kategori Perempuan disandang oleh Dayang Hajah Amidah binti Ghafar dari Masjid Kampung Sinaut; manakala naib johan diraih oleh Dayang Hajah Nora'alia binti Haji Abdul Rahim dari Masjid Kampung Beribi; sementara tempat ketiga milik Datin Hajah Hazizah binti Haji Adam / Haji Othman dari Masjid Kampung Labi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Semoga dengan adanya pertandingan seumpama berkenaan, objektif yang telah ditetapkan akan dapat dicapai, khususnya dalam menyemarakkan kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan warga emas. Di samping itu, diharapkan program seperti berkenaan akan dapat menarik lebih ramai masyarakat untuk terus mendekatkan diri dengan Al-Quran serta memakmurkan masjid.

Program Sua Muka bariga isu semasa, dasar kerajaan

■ Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Sabtu, 29 Ogos. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Daerah Belait, Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Program Sua Muka bersama Kampung Pandan 'F', Mukim Kuala Belait, Daerah Belait bertempat di Dewan Intisar, Pejabat Daerah Belait, Jabatan Daerah Belait, hari ini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini. Manakala bagi pihak Kampung Pandan 'F' diketuai oleh Awang Hazrul Faizal bin Haji Zinni. Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan dan juga Pusat Kebangsaan E-Kerajaan.

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Selain itu jelasnya lagi, Program Sua Muka adalah salah satu program di bawah strategi kerja

Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Dalam ucapan balas ketua kampung menyentuh mengenai kepentingan program ini sebagai wadah yang efektif untuk beramah mesra, bertukar pandangan serta mendengar secara langsung isu, pandangan dan keperluan masyarakat di akar umbi, sekali gus menjalin hubungan masyarakat dengan pihak kerajaan.

Program juga diisi dengan penyampaian maklumat kepada penduduk-penduduk kampung daripada Jabatan Penerangan mengenai 'Penyedaran Maklumat Palsu' yang telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Manakala taklimat daripada Pusat Kebangsaan E-Kerajaan mengenai 'BruneiID' yang telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Muhammad Amir Azizi bin Haji Shukry.

Program Sua Muka turut diisi dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan, yang antara lain berkaitan dengan prasarana, ekonomi, keselamatan dan kemudahan awam.



TIMBALAN Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka bersama Kampung Pandan 'F', Mukim Kuala Belait, di Dewan Intisar, Pejabat Daerah Belait, Jabatan Daerah Belait.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Membentuk Peribadi Mulia Berpandukan Sunnah Rasulullah'. Tarikh Tutup : 2 September 2026
2. 'Kesan Pengangguran Terhadap Ekonomi dan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 9 September 2026
3. 'Waspada Banjir: Persediaan Menghadapi Musibah'. Tarikh Tutup : 16 September 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

FIRQAH AN-NAIM, DHAFWATUL AISY JOHAN PERTANDINGAN TAUSYEH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

SENGKURONG, Sabtu, 29 Ogos. - Dalam menghidupkan syiar Islam melalui zikir tausyeh, di samping mencungkil bakat dalam kalangan belia dan beliawanis masjid serta menggalakkan penglibatan golongan muda dalam aktiviti masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dengan kerjasama Kumpulan Belia Syababul Iman, Belia Masjid Sultan Sharif Ali Sengkuring dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali Sengkuring mengadakan Pertandingan Lagu-lagu Tausyeh bagi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi dengan tema 'Rasulullah Role Model Pilihan Allah'. Pertandingan diadakan pagi tadi di masjid berkenaan.

Sebanyak 14 buah pasukan, terdiri daripada lapan pasukan belia dan enam pasukan beliawanis, mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Setiap kumpulan terdiri daripada empat hingga lima orang peserta.

Pertandingan ini merupakan kesinambungan daripada

PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Aliyani bin Ismail hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

pertandingan yang telah diadakan pada tahun sebelumnya dan dihasratkan untuk menjadi salah satu aktiviti tahunan.

Selain itu, penganjur pertandingan berkenaan dihasratkan dapat memperkukuhkan peranan masjid sebagai pusat perkumpulan dan dakwah, serta menyokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Negara Zikir.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Aliyani bin Ismail.



Firqah An-Naim Masjid Mengkubau muncul johan bagi Pasukan Lelaki, sementara naib johan disandang oleh Firqah Al Munshidun dari Masjid Sultan Sharif Ali Sengkuring dan tempat ketiga dimenangi oleh Firqah Anwar dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Bagi Pasukan Perempuan, Dhafwatul Aisy dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong muncul johan. Sementara naib johan disandang oleh Al Jumanah dari Masjid Sultan

Sharif Ali Sengkuring dan ketiga dimenangi oleh Firqah An Nayla dari Masjid Kampung Bengkuring.

Dengan adanya pertandingan ini, pihak penganjur berharap agar ia dapat melahirkan generasi belia dan beliawanis masjid yang berkemahiran dalam

membawakan lagu-lagu tausyeh dengan baik dan sempurna, di samping meningkatkan kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menggalakkan penglibatan golongan belia dalam kegiatan keagamaan di masjid.

Tingkatkan kesedaran mengenai kepentingan penyusuan susu ibu

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANGAR, Sabtu, 29 Ogos. - Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), dengan kerjasama Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Daerah Temburong telah mengadakan Majlis Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia 2026 bagi Daerah Temburong bertempat di ruang legar Hospital PIHM, Bangar, bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan PSI secara eksklusif.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pentadbir Kanan Hospital, Hospital PIHM Temburong, Dayang Siti Mardiyah

binti Haji Besar.

Bertemakan 'PSI Demi Permulaan Kehidupan yang Mampan : Memperkukuh Amalan yang Berkesan' (Breastfeeding for a Sustainable Start in Life : Strengthen What Works), majlis tersebut bertujuan untuk memperkasakan para ibu dan pasangan mereka melalui pemberian maklumat serta sokongan berterusan dalam menjayakan PSI secara eksklusif.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Ugama, Hospital PIHM Temburong, Awang Salim bin Haji Tuah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Jururawat Bidan, Hospital PIHM Temburong,

Dayang Asma Rashidah binti Haji Md. Alli selaku Pengerusi Bersama Sambutan Minggu PSI bagi Daerah Temburong.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menekankan kepentingan rantai sokongan (*warm chain of support*) yang kukuh daripada institusi perubatan, keluarga dan masyarakat dalam membantu para ibu menjayakan PSI, khususnya di Daerah Temburong.

Majlis diteruskan dengan perasmian oleh tetamu kehormat, diikuti dengan tayangan video dan ceramah bertajuk 'Kebaikan Susu Ibu, Sokongan yang Diperlukan' yang disampaikan oleh Kaunselor Laktasi, Bloom & Bless, Dayang Siti Nabilah binti Haji Taif.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Peraduan Mewarna serta penyampaian cenderahati kepada penceramah dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Para tetamu kemudiannya menyaksikan pameran pendidikan PSI sebelum menikmati jamuan. Turut hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan Hospital PIHM Temburong serta para peserta sambutan.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada majlis berkenaan, bertempat di ruang legar Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Bangar, Temburong.

Memastikan penyusuan susu ibu diberikan secara eksklusif

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) mengadakan Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) 2026, bertempat di Lobi Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital RIPAS.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital RIPAS, Awang Md. Aizam bin Abdul Hamid.

Tema Sambutan Minggu PSI Sedunia pada tahun ini adalah 'PSI Demi Permulaan Kehidupan yang Mampan : Memperkukuh Amalan yang Berkesan'.

Objektif Minggu PSI yang diraikan setiap tahun adalah bagi mencapai matlamat dan hasrat Kementerian Kesihatan dalam memastikan setiap ibu yang melahirkan anak memberikan PSI secara eksklusif selama enam bulan dan meneruskan sehingga anak berusia dua tahun.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Jururawat, Unit Pediatrik, Hospital RIPAS, Awang Abdul Hafiz bin Roslee dan seterusnya ucapan alu-aluan daripada Konsultan Jabatan Perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi, Hospital RIPAS, Pengiran Dr. Nuorul Shahidah binti Pengiran Haji Zainal.

Majlis diikuti dengan tayangan video *slideshow* mengenai PSI dan juga penyampaian *breastfeeding cover* sebanyak 100 helai tajaan daripada Persatuan Wanita (WI) dan doktor-doktor Ginekologi kepada incai Wad 31, Wad 33, Wad 34/35 dan Wad Bersalin.

Antara aktiviti yang diadakan pada hari berkenaan adalah penyampaian hadiah bagi pemenang Pertandingan Menghias Wad, pameran serta kuiz sempena Sambutan Minggu PSI 2026.

Turut hadir pada majlis berkenaan, ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Hospital RIPAS.



KETUA Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Md. Aizam bin Abdul Hamid hadir selaku tetamu khas majlis.



**JABATAN
PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan**

Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada **Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 24 September 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPt / SH / 66 / 2026-2027
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission PH Meter For Microbiology Laboratory

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPt / SH / 67 / 2026-2027
To Perform Quality Assurance For

The Gen III MicroStation System
At Veterinary Microbiology
Laboratory

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPt / SH / 68 / 2026-2027
Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Concrete Di Kawasan P2 Agribisnes Rimba, Daerah Brunei Muara

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPt / SH / 69 / 2026-2027
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Bagi Bangunan Perkhidmatan Makmal Terunjing Dan Bangunan-Bangunan Sekitarnya Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPt / SH / 70 / 2026-2027
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of Centrifugation, Heating, Cooling And Mixing Equipment



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2026 / 8 / 1

Quotation For Supply, Delivery And Installation Of Furnishes And Fixtures For Hallways At The First Floor, Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,



BA1910, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
8 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Keterangan
Projek:**
10 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
Membekal Ink / Toner Cartridges

**Bilangan Dan Keterangan
Projek:**
11 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
Membekal Peralatan-Peralatan Pejabat

**Bilangan Dan Keterangan
Projek:**



12 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
Membekal Kabinet-Kabinet Fail

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non – Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
8 September 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk
Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / T / 004 - BKS (JPPK / LTK / 11 / 2026)

Proposed Design & Build Installation of Temporary Prefabricated Dental And MRS RBAF, Berakas Camp

**Tempoh
Penyiapan Kerja:**
Tiga (3) Bulan

Kelas:
IV dan Keatas

Kategori:
KA01 dan B01



Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 5 Oktober 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
13 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
ANS / 2026 / SH07
Renovation Work For Air Traffic Service Centre, General Office, Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Rabu
26 Ogos 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Selasa
8 September 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu
9 September 2026
tidak lewat
jam 2.00 Petang

**Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
8 September 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 27 / 2026

Nama Projek:
Membaikpulih Dan Menurap Semula Lebuhraya Muara – Tutong (Hala Muara)

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 28 / 2026

Nama Projek:
Membaikpulih Dan Menurap Semula Lebuhraya Muara – Tutong Di Antara KM20 Dan Jejambat Berakas (Hala Muara)

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



**JABATAN
BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JBP / TSH / 05 / 2026-2027
Kontrak Berpenggal Bagi Kerja-Kerja Pemotongan Rumput, Pemotongan Dahan Pokok Dan Membersihkan Longkang Kawasan Dan Sekitar Kawasan Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas Bagi Tempoh 36 Bulan
- Retender -

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JBP / TSH / 12 / 2026-2027
(Towing)
Thirty-Six (36) Months Service Contract For The Towing Of All BFRD Vehicles

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
10 September 2026
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran /
Sebut Harga :**
17 / JPB / SH / 2026
Perkakas Dan Peralatan Jahitan Bagi Institusi Penjara Maraburong Fasa 1

**Bayaran Yuran Tawaran /
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran /
Sebut Harga :**
Selasa
8 September 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Keterangan Projek:
BBS / TOC / RCKB(1) / 2026-2029
Three (3) Years Term Contract For Rubbish Collection In Kuala Belait Municipal Area

(Kelas I, II Dan III Kategori KPB12)

Yuran Tawaran :
BND50.00

Bilangan Dan Keterangan Projek:
BBS / TOC / BCS(8) / 2026-2029
Three (3) Years Term Contract For Building Cleaning Services
a) Pasarneka Seria, Jalan Lorong 3 Selatan Seria
b) Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait

Dibukakan Kepada Pemborong – Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.
(Kelas I, II Dan III Kategori S01)

Bilangan Dan Keterangan Projek:
BBS / TOC / GCKBMA(7) / 2026-2029
Three (3) Years Term Contract For Grass Cutting At Kuala Belait And Seria Municipal Area

Dibukakan Kepada Pemborong – Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Dibukakan Kepada Pemborong – Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.
(Kelas I, II Dan III Kategori S02)

Bilangan Dan Keterangan Projek:
BBS / TOC / 2026-2029 / LIFT.BPKB



Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Kone Monospace @ Motion Roomless Elevator To Bangunan Bumiputera Kuala Belait Jalan Mckerron

Dibukakan Kepada Pemborong – Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.
(Kelas I, II Dan III Kategori KPME02)

Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 September 2026



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 86 / 26 – 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Episode (13 Episod X 30 Minit), Unit Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 87 / 26 – 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Episod (13 Episod X 30 Minit) Dan Edisi Ramadhan (01 Episod X 30 Minit), Unit Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 103 / 26 – 27
To Supply And Delivery Of PA System Equipment And Accessories For Audio And Radio Studio Engineering



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 106 / 26 – 27
Penerbitan Syawal TV Broadcast Package

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 108 / 26 – 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Unit Realiti (13 Episod X 30 Minit), Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND 5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
2 September 2026,
jam 2.00 Petang



**JABATAN
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Pemberitahuan Iklan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 39 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 135 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No.33F Hingga No.37E, Kampung Tamoi, Tengah, Mukim Tamoi, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 43 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 80 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 151N Hingga Balai Polis Peramu, Kampung Pekilong Muara, Mukim Peramu, Negara Brunei Darussalam.

Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 135 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 102G Hingga Menuju Daratan, Kampung Setia A, Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 49 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 150 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 100D Hingga Menuju Daratan, Kampung Setia A, Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 50 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 145 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 106D Hingga Menuju Daratan, Kampung Setia A, Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 51 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 100 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 25M Hingga Menuju Daratan, Kampung Sungai Asam, Mukim Burong Pingai Ayer, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 52 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 60 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 3E Hingga No. 8E, Kampung Tamoi Ujong, Mukim Tamoi, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 53 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 70 Meter Kepada

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 44 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 120 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 153O Hingga No. 154B, Kampung Pekilong Muara, Mukim Peramu, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 45 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 90 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 168P Hingga Sekolah Rendah Kampung Saba, Kampung Saba Darat B, Mukim Saba, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 46 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 110 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No.211C Hingga Menuju Daratan, Kampung Setia B, Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 47 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 110 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No.48E Hingga Menuju Daratan, Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 48 / 2026

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 41 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 110 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 116F Hingga No. 115I, Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda B, Mukim Peramu, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 42 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 145 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 119B Hingga No. 112D, Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda A, Mukim Peramu, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran / Sebut Harga :
JPB / 03 / 2026
To Supply, Install And Commissioning Of The Smart Weapon Storage (SWS) For Jabatan Penjara

Bayaran Yuran Tawaran / Sebut Harga:
BND50.00

Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 98B Hingga No. 109B, Kampung Pekan Lama, Mukim Burong Pingai Ayer, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 54 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 130 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Berdekatan Rumah No. 72G Hingga Menuju Daratan Kampung Sungai Siamas Dan Rumah No. 94G Menuju Daratan Kampung Setia A, Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran Yuran Tawaran :



(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran / Sebut Harga :
Selasa
8 September 2026
Jam 2.00 Petang

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
15 September 2026
Jam 2.00 Petang




KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**Makluman
Sebut Harga**
**DA / JKSH / 94 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**

Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji,
Mentauliah Serta Memulihara
Sistem Kawalan Keselamatan
Kamera Litar Tertutup (CCTV)
Dan Sistem Penggera
Keselamatan Bagi Sekolah
Rendah Pengiran Kesuma Negara
Bukit Beruang,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan

**DA / JKSH / 95 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**

Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji, Mentauliah
Serta Memulihara Sistem Kawalan
Keselamatan Kamera Litar
Tertutup (CCTV) Dan Sistem
Penggera Keselamatan Bagi
Sekolah Rendah Rataie,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan

**DA / JKSH / 96 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**

Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji, Mentauliah
Serta Memulihara Sistem Kawalan
Keselamatan Kamera Litar
Tertutup (CCTV) Dan
Sistem Penggera Keselamatan
Bagi Sekolah Rendah Tumpuan
Telisai,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan

**Bayaran Yuran
Sebut Harga:**
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
5 September 2026
Jam 9.00 Pagi

Kategori:

Syarikat-Syarikat Yang Diterima
Adalah Syarikat-Syarikat Yang
Berddaftar
Di Bawah Kawalan Bahagian
Pelesenan Agensi Pengawal
Keselamatan (BPAPK),
Pasukan Polis Diraja Brunei.


**JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**
Tajuk Sebut Harga:

Tawaran Perkhidmatan bagi
Mencetak, Membekal dan
Menghantar Bahan-Bahan
Cetakan
bagi Persidangan Majlis
Mesyuarat Negara bagi Tempoh
Selama Sepuluh (10) Bulan

Bilangan Sebut Harga:
JMM / JKSH / 2026 / Q & T / 15

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 September 2026

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**
UNISSA / SB0026 / 2026 / 2027
Supply, Delivery And Installation
Of Scientific Laboratory
Equipment (Microplate
Spectrophotometer)

For Ibnu Sina Scientific Laboratory
Centre (ISSLC),
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA),
Sinaut Campus

UNISSA / SB0027 / 2026 / 2027
Supply And Delivery Of
Agricultural Fertilisers
For The Third Paddy Planting
Cycle Under The Sub-Category Of
Dolomite And Miscellaneous
Consumables
For Creates Research Project
Titled "Improving Soil Quality,
Paddy Yield And Paddy Farmers'
Profit Using Organic Conditioners
From Chicken Dung
(Unissapaddy-26)"

UNISSA / SB0028 / 2026 / 2027
One (1) Year Rental Photocopy
Machines For Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA) At
Gadong And Sinaut Campus

UNISSA / SB0029 / 2026 / 2027
The Provision Of
Maintenance Services And Refill
For Fire Extinguishers At Gadong
Campus, Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA) –
[Class: 1 & Above] &
[Category: KPME05]

UNISSA / SB0030 / 2026 / 2027
The Provision Of Maintenance
Services And Refill For Fire
Extinguishers At Sinaut Campus,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) – [Class: 1 & Above] &

**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**
Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 040 / 2026

Tajuk:
Technical Maintenance Of DES
11kv Switchgear Panel For A
Period Of Five Years,
Brunei-Muara District

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 September 2026,
Jam 2.00 Petang

Tender Fee:
BN500.00
(Tidak Dikembalikan)

**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0039 / 2026
Replace, Supply And Install
Outboard Motor And
Related Accessories
For Boat Cabin No.1 BG0404,
Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup
Sebut Harga :**
Khamis,
3 September 2026
Jam 2.00 Petang


[Category: KPME05]

Tarikh Tutup :
Rabu,
2 September 2026

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**
Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 046 / 2026

Tajuk:
Provision Of Manpower Services
For Project Section Department Of
Electrical
Services For A
Duration Of Twenty Four (24)
Months (Retendered)

Tarikh Tutup:
1 September 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Tender Fee:
BN100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Manpower agencies registered
with Brunei Labour Department
or ROCBN or Consultant
companies registered
BAPEQ

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut bolehlah
diperoleh di Tingkat 4,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
di Unit Tawaran dan
Sebut Harga, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.


**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**
Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2026-2027 / 09
Kerja-Kerja Refilling Of FM200
227EA Di Jabatan Audit
Bangunan Bahirah,
Jalan Dewan Majlis,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 September 2026,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPH / 2105 / TAW / 413 /
2026 – 2027

Membekal Satu (1) Unit Kereta
Pacuan Empat Roda (4WD)
Double Cab Vehicle Bagi
Kegunaan Jabatan Perhutanan

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026,
2.00 Petang

**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(83) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)
Mencetak Kalendar
Jabatan Penerangan Tahun 2027

Yuran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
10 September 2026,
Jam 8.00 Pagi


سروک سر

سیارکن کاسیه سایغ، هنتیکن بولی

جماعه یغ درجی الله،

بر تقوی له کیت کحضرة الله ﷺ دغن منیگکن کلیمان کفدن. سسوغکوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله ﷺ ایت ایاله اورغ یغ فالیغ بر تقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغی الله ﷺ کجیان دان کسلامتن ددنیا دان جوک دأخیره.

جماعه یغ درجی الله،

کامان یغ کیت نعمتی مروفاکن انوکره الله ﷺ یغ امت بسر نیلاین. ملالوئی نعمت کامان، کیت دبری کسمقن اونوق منجالی کهدوفن، ملقساکن آکتیوی هارین سرتا منونایکن عبادۀ دالم سواسان یغ فقه کتغن.

نامون بکتیو، کیت هاروس سدر بهاوا کهدوفن این تیدق قرنه سوپی درفد مغهادی اوجین کونفلیک بروفا فرسلیسپهن اتاو فون قرتیکان. سلاکو اومت اسلام، کیت سواجرن سنتیاس مغاوتامان کهرمونین دان مغلکن فرقادوان.

حال این هان دافت دجائی سکیان ستیاف ایندیویدو برتیندک دغن فقه کصیرن، تیدق موده دکواسای یغوسی سرت بیجک مغاول دان مناهن فراسان ماره دغن سبایک-بایکن اگر ستیاف فرسلیسپهن ماهوفون قرتیکان دافت دسلسایکن سجارا دامای.

یقتله، اسلام سبکای اکام یغ مباوا رحمة دان کاسیه سایغ سنتیاس مغاجر اومت سوفای سالیغ مپایغی، براخلاق مولیا سرتا بریوات بایک سسام مانسی. ملالوئی صفة کاسیه سایغ اینله الله ﷺ مپاتوکن دان مغایرتکن هوبوغن انتارا سسام مؤمن.

دجلسکن دالم سیواه حدیث یغ دروایتکن درفد أبو الزبیر ﷺ دی برکات، سای مندغر جابر بن عبدالله ﷺ برکات، سای مندغر نبی ﷺ برسیدا: الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ. مقصودن: ساورغ مسلم (یغ سجاتی) اداله اورغ یغ مان قوم مسلمین لاین سلامت دری (بهای) لیسن دان تاغتن. {حدیث روایت امام مسلم}

جماعه یغ درجی الله،

دالم کهدوفن بر مشارکت، کیت تیدق دافت منافیکن بهاوا فریواتن مپاکتی دان منطالیمی اورغ لاین ماسیه بولی برلاکو دالم قلباکای بنتوق، سام اد ملالوئی کات-کات، تیندن فیزیکل ماهوفون میدیا سوسیال. فریواتن ساومقام این برتنش دغن اجران اسلام یغ منوتوت کیت مغحرمی سسام مانسی دان منجاهی سکلا بنتوق کظالمن.

انتارا فریواتن یغ واجب کیت جکه ایاله بولی، بیات فریواتن مغهینا، مغایم، منیدس اتاو مپاکتی سساورغ سیغک منجسکن مرواه، یغوسی دان کسلامتن. بولی بولی برلاکو دسکوله، دتقت کرجا، دالم کلوارک اتاو دالم تالین.

کجلا بولی بوکن سهاج منیگکن کسن مندالم ترهادف یغوسی دان کسجهزان مغسا، ماله بولی مرغککن هوبوغن فرسوداران، فرصحابتن سرتا منجسکن کهرمونین مشارکت. لبیه ممیبعکن لاکي، جک فپاکیت سوسیال این تیدق دندوغ، فریواتن این بولی مغعقبتکن کسن یغ ساعت سیریوس، ترماسوق کهدوفن پاوا یغ تیدق پردوسا.

دالم قندغن اسلام، فریواتن ممبولی اداله حرام حکومن. ای مروفاکن ساتو بنتوق قیندسن، سدغن اکام کیت سام سکالی تیدق ممبرکن سبارغ بنتوق قیندسن. اسلام مغاجر اومتن سوفای سنتیاس مغحرمی، مپایغی دان منجاک کبایقن سسام مانسی. ساورغ مسلم دتکه درفد مپاکتی اتاو مپوسهکن سوداران، سام اد ملالوئی فرکاتان، فریواتن اتاو اف جوا بنتوق تیندن یغ بولی منداتغن مضرت. فرکارا این دجلسکن دالم سیواه حدیث یغ دروایتکن درفد أبو ذرّ العفاری ﷺ، درفد نبی ﷺ، بکیندا مروایتکن درفد الله ﷺ، سسوغکوهن الله ﷺ تله برفرمان: يَا عِبَادِيَ اِنِّي خَوَّضْتُ الظُّلُمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُ بَيْنَكُمْ حُرْمًا فَلَا تَطْلُمُوا. مقصودن: واهای همباکو، سسوغکوهن اکو مغحرامکن کظالمن اتس دیریکو دان اکو منجادیکن حرام دانتارا کامو، مک جاغله سالیغ منطالیمی. {حدیث قدسی روایت امام مسلم}

جماعه یغ درجی الله،

افیل برلاکو فرسلیسپهن فهم، فرتلیشکهن اتاو فرموسهکن دالم کالثن سودارا ساکام، کیت هندقله برأوسها اونوق مندامایکن مریک سرتا مغایرتکن کمپالی هوبوغن تالی فرسوداران یغ تله رگکغ. تیندن این بوکن سهاج دافت مملیهارا آخوه اسلامیة، ماله منجادی ساتو عملن یغ ساعت دوتوتوت دالم اسلام. الله ﷺ برفرمان دالم سورة الحجرات آیه ۱۰:

سسوغکوهن اورغ-اورغ برلمان ایت برسودارا مک دامایکنله انتارا دوا سودارا کامو (یغ برتلیگه) ایت دان بر تقوی له کفد الله ﷺ سوفای کامو برأولی رحمة.

برداسرکن آیه ترسیوت، جلسله بهاوا اسلام امت منیتقیرتن کهدوفن یغ هرمونی دان منوتوت اومتن اگر سنتیاس مملیهارا هوبوغن فرسوداران، مغهیندري فرموسهکن سرتا برأوسها موجودکن سواسان یغ سجهرتا دالم ستیاف لاقیسن مشارکت.

اولیه ایت، سکیان اجران اسلام بنر-بنر دعملکن دان دحیاتی سجارا مبلوروه دالم کهدوفن سهارین، سوده فسق کجلا بولی، قیندسن دان فلپاکای بنتوق ککچمن دافت دجکه دان دندوغ. دغن ایت، سواسان یغ امان دان سالیغ مغحرمی دافت دوجودکن دمان-مان سهاج، سام اد دسکوله، دتقت کرجا، دالم اینستیتوسی کلوارک ماهوفون دالم مشارکت سجارا کسلوروهتن.

مک جوسزو ایت، افیل کیت ملیهت اتاو مغناهوئی برلاکو فریواتن بولی، جاغله کیت بردیام دیری، منجادی فنوتون اتاو مپیارکن راقمن یغ مغییکن مغسا. بنتوله دغن جارا یغ سلامت، بریکن سوکوغن کفد مغسا دان لافورکنله کفد ایبو باف، گورو، فیهق فغوروسن اتاو فیهق برکواس یغ برکنان. ستیاف ادوان هندقله دتاغنی دغن سکرا، عادل دان برحکمه اگر مغسا دلیندوئی، مانکالا فلاکو دیمبیغ سرتا دامبیل تیندن یغ سواجرن.

جماعه یغ درجی الله،

اخلاق دان بودی فکرتی یغ مولیا مروفاکن اساس یغ کوکووه دالم ممیتوق انسان یغ برهاتی برسیه، اخلاص، منجیتای کبایکن سرتا منجاهی سکلا بنتوق کجاهتن. دالم حال این، رسول الله ﷺ ایاله جونتوه تلادن ترپایک یغ واجر کیت ایکوتی دالم ستیاف اسشیک کهدوفن. جوسزو، جادیکنله بکیندا ﷺ سبکای سوری تلادن دالم توتورکات، تیگه لاکو دان جارا براینزکسی دغن اورغ لاین، خصوصن باکی جنراسی مودا یغ سدغ منجاری آره دان قدومن هیلوف.

دالم سیواه حدیث یغ دروایتکن اولیه امام احمد، رسول الله ﷺ مغاجرکن ساتو دعاء یغ ریغس نامون فقه معنی اگر کیت دکورنیاکن اخلاق دان بودی فکرتی یغ مولیا. درفد عائشة ﷺ بهاوا رسول الله ﷺ سریع بردهاء: اللَّهُمَّ احْسَنْتَ خَلْقِي فَأَحْسِنْ خُلُقِي. مقصودن: یا الله، سبکایمان اغکار تله یلوقکن روفاکو مک فرایلوقکنله فولا اخلاقکو.

اولیه یغ دمکن، ماریله کیت سام-سام برحاسیه دان منیلائی دیری. جاوهیله فریواتن ممبولی سرتا سکلا بنتوق کظالمن کران ای هان مغوندغ قندرتیان، منجوسکن فرموسهکن دان منیمبولکن فرجهن دالم مشارکت. سبایقن، ماریله کیت سوپورکن کهدوفن این دغن نیلائی کاسیه سایغ، بلس احسان، سیکف سالیغ مغحرمی دان دماغت تولوغ-منولوغ. کیت جادیکن رومه، سکوله، دتقت کرجا دان مشارکت سبکای رواغ یغ سلامت دان فقه برهیمه. سوپورکنله کاسیه سایغ ملالوئی توتور کات یغ لمبوت، اخلاق یغ مولیا دان تیندن یغ مباوا منفعت. موده-مودهن کیت ممقأولی کریضآن الله ﷺ دان دهیمقونکن برسام اورغ-اورغ یغ برلمان دأخیره کلک. آمین یا ربّ العالمین.

دان (جوک باکی) اورغ-اورغ یغ منجاهی دوسا-دوسا بسر دان فریواتن-فریواتن کجی، دان افیل مریک ماره، مریک سکرا ممعافکن. {سورة الشوری آیه: ۳۷}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَقَعْنَا بِالْآيَاتِ وَاللِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَانِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْحَاجَةِ الْتَأْتِيَنِ.



IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN daripada Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkuring 'B' yang hadir pada Majlis Penutup Sambutan Maulidur Rasul bagi Tahun Hijrah 1448 Hijrah dan Majlis Penghargaan Kepada Ahli Biro Wanita MPK Sengkuring 'B' yang telah mencapai usia 70 tahun berlangsung di Star Lodge, Jerudong, Mukim Sengkuring. - Foto : Azmah Haji Ahad.

ORANG ramai yang menyertai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di ibu negara. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.



PESERTA semasa Lafaz Ikrar Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Projek Rintis PKBN Enam Bulan yang berlangsung di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



PEMAIN alat muzik bertali tiga (Tsugaru shamisen) dari Jepun, Asano Sho semasa mempersembahkan lagu-lagu rakyat Jepun sempena persembahan 'Piano & Shamisen Performance - Echoes Across Borders : Japan's Classic & Contemporary Music' yang telah diadakan di Pusat Kesenian Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS Arts Centre). - Foto : Azmah Haji Ahad.

SEBAHAGIAN daripada graduan pada Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei Ke-14 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohammad Hasif Mat Zain.

SUNTIK SEMANGAT TERUS MENINGKATKAN MUTU PERKHIDMATAN

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 29 Ogos. – Pengurniaan bintang kebesaran dan pingat negara bukan sekadar menjadi lambang penghargaan atas jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan, malah menjadi suntikan semangat serta dorongan kepada para penerima untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, integriti dan tanggungjawab demi pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran NBD sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun berlangsung petang tadi di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, penuh bermakna, dengan sejumlah penerima menerima pengiktirafan atas jasa dan sumbangan masing-masing dalam pelbagai bidang.

Antara penerima yang menzahirkan rasa syukur ialah Ar. Siti Rozaimeriyanthy binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, yang menerima

PEMANGKU
Pengaruh Radio
Televisyen Brunei,
Awang Cheong
Chee Keong.



AR. Siti Rozaimeriyanthy binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B).

Ar. Siti Rozaimeriyanthy yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly dari 2023 hingga 2025, selain merupakan Principal dan Rakan dalam Eco Bumi Arkitek and Partners, menyifatkan pengurniaan berkenaan sebagai satu penghormatan dan penghargaan yang amat besar, khususnya bagi mereka yang berkecimpung dalam sektor swasta.

Menurutnya lagi, pengiktirafan berkenaan merupakan penghargaan terhadap khidmat bakti yang telah dicurahkan, tanpa mengira sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta.

Beliau yang baru sahaja kembali dari Jakarta, Republik Indonesia selepas berkhidmat selama tiga tahun sebagai Setiausaha Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly turut menyifatkan tanggungjawab berkenaan sebagai satu penghormatan untuk membawa nama NBD ke peringkat serantau.

Ar. Siti Rozaimeriyanthy berharap pengurniaan bintang berkenaan akan menjadi contoh dan tauladan, khususnya kepada golongan wanita yang berkecimpung dalam sektor pembinaan dan bidang profesional yang selama ini banyak didominasi oleh kaum lelaki.



Tambahnya lagi, pengiktirafan berkenaan juga mencerminkan pentingnya memperkasa peranan wanita agar terus berani memainkan peranan utama dalam bidang profesional dan perkhidmatan, seterusnya menyumbang kepada kemajuan negara.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Majlis Mesyuarat Negara atas pengiktirafan yang diberikan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Cheong Chee Keong, yang mula berkhidmat di RTB pada 12 September 1994, turut menzahirkan rasa syukur atas pengurniaan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B).

Beliau menyifatkan pengurniaan berkenaan sebagai satu penghargaan yang amat bermakna dalam perjalanan kerjayanya dan bukan semata-mata pencapaian peribadi, malah turut mencerminkan penghargaan terhadap rakan-rakan sejawat yang bersama-sama memberikan sumbangan melalui dedikasi, kerjasama berpasukan dan komitmen sepanjang tempoh perkhidmatan dalam sektor awam.

Awang Cheong Chee Keong juga berharap pengiktirafan berkenaan menjadi sumber inspirasi untuk terus melaksanakan amanah dengan penuh integriti, profesionalisme dan rasa tanggungjawab, di samping terus menyumbang kepada pembangunan negara.

Dalam masa yang sama, beliau berhasrat untuk terus membimbing generasi



AWANG Abd. Ajihis bin Haji Terawih.

baharu penjawat awam agar sentiasa mengutamakan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.

Turut menerima pengiktirafan ialah Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, yang dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam NBD Darjah Kelima (P.U.B).

Beliau menzahirkan rasa syukur dan mengakui tidak menyangka diberikan peluang untuk menerima pengiktirafan berkenaan yang disifatkannya sebagai satu penghormatan amat bermakna.

Jelasnya lagi, pengurniaan berkenaan menjadi pendorong untuk terus meningkatkan usaha, motivasi dan komitmen dalam melaksanakan segala tanggungjawab serta amanah sebagai seorang penjawat awam.

Pengiran Hajah Haslina Suriani juga menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan berkenaan, di samping merakamkan penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa serta suami yang sentiasa menjadi tunjang kepada kejayaan dan pencapaian yang diraih.

Sementara itu Awang Abd. Ajihis bin Haji Terawih,

PEMANGKU Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut.

yang turut menerima P.S.B menzahirkan rasa penuh kesyukuran atas pengurniaan berkenaan.

Beliau yang telah berkhidmat sejak 1990 dan kini bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, menyifatkan bintang yang diterima sebagai satu

penghargaan yang menjadi pendorong dan motivasi untuk terus memberikan khidmat serta komitmen dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Menurutnya lagi, pengiktirafan berkenaan juga merupakan simbol kepercayaan dan amanah yang perlu dijunjung serta dipikul dengan sebaik-baiknya sepanjang tempoh perkhidmatan dalam sektor awam.

Pengurniaan bintang kebesaran dan pingat negara kepada para penerima bukan sahaja mengiktiraf jasa, pengorbanan dan sumbangan mereka dalam bidang masing-masing, malah menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh semangat berkhidmat, meningkatkan mutu perkhidmatan serta menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan NBD.

Pengiktirafan berkenaan juga diharap dapat menjadi inspirasi kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam, profesional dan sektor swasta untuk terus memberikan yang terbaik, menjunjung amanah serta memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan aspirasi negara.

Majlis Dikir, Doa Selamat semarakkan Sambutan Maulidur Rasul

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Sabtu, 29 Ogos. - Ahli-ahli Majlis Perniagaan Wanita Brunei Darussalam (Women Business Council - WBC) telah mengadakan Majlis Dikir dan Doa Selamat sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam berlangsung di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, pagi tadi.

Majlis tersebut merupakan antara usaha untuk menyemarakkan kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menghayati akhlak mulia, sunnah serta ajaran Baginda dalam kehidupan seharian.

Selain itu, majlis berkenaan turut menjadi wadah dalam membentuk dan menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat, khususnya warga usahawan, berlandaskan sifat amanah, kejujuran dan tanggungjawab.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam masjid, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji

Bujang. Acara kemudiannya diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat yang disampaikan oleh Naib Yang Dipertua WBC, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia.

Antara pengisian utama majlis ialah Ceramah Khas Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh Ketua Program Pra-Siswazah dan Penyelaras At-Tamayyuz, Dr. Dayang Nor Surilawana binti Haji Sulaiman.

Ceramah bertajuk 'Meneladani Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Usahawan Berakhlak, Perniagaan Berkat' membicarakan mengenai kepentingan menjadikan Rasulullah sebagai contoh dan teladan dalam membentuk peribadi usahawan yang berakhlak, amanah serta jujur.

Ceramah turut menekankan pengamalan nilai-nilai Islam dalam menjalankan perniagaan agar kegiatan keusahawanan bukan sahaja membawa manfaat dari segi ekonomi, malah mendapat keberkatan. Majlis turut diserikan dengan Dikir Maulidur Rasul yang dipimpin oleh kumpulan pendikir



AHLI-ahli Majlis Perniagaan Wanita Brunei Darussalam semasa mengadakan Majlis Dikir dan Doa Selamat.

Muslimah Kegiatan Warga Emas.

Sebagai tanda keprihatinan dan kasih sayang terhadap golongan yang memerlukan, majlis turut menyaksikan penyampaian infak kepada 20 orang anak yatim dan anak-anak asnaf yang disampaikan oleh Ahli-ahli WBC.

Dalam pada itu, sumbangan

hasratkan dapat membantu meringankan beban serta memenuhi keperluan keluarga berkenaan. Inisiatif tersebut mencerminkan semangat kebersamaan, ukhuwah dan keprihatinan Ahli-ahli WBC dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, khususnya membantu golongan yang memerlukan.

Sumbangan berkenaan



Berjimat cermat : Kunci kestabilan ekonomi individu

Oleh : Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh,
Penempatan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

"DAN janganlah kamu membazir (berbelanja pada jalan yang salah). Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, dan syaitan itu pula adalah sangat kufur kepada Tuhannya. (Al-Isra' : 26 - 27).

Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kita bahawa bersikap boros dan membazir tidak mendatangkan faedah dan boleh memudaratkan diri kita. Berjimat cermat merupakan amalan menggunakan wang dan sumber pendapatan dengan bijak tanpa melakukan pembaziran ketika berbelanja. Amalan berjimat cermat adalah sangat penting bagi setiap individu kerana ia dapat membantu seseorang itu untuk mencapai kestabilan ekonomi dalam kehidupan. Dalam keadaan kos sara hidup yang meningkat ini, sikap berjimat cermat perlu dipupuk dan diamalkan oleh setiap individu. Dengan itu, kita hendaklah bijaksana dalam mengurus kewangan supaya sikap berjimat cermat menjadi satu amalan yang dapat disemai dalam diri kita.

Jangan mudah terpengaruh

Meskipun dengan keadaan ekonomi yang semakin mencabar pada masa kini, namun ia bukanlah satu halangan untuk kita tidak mengamalkan sikap berjimat cermat walaupun hadirnya pelbagai rintangan yang harus ditempuhi. Salah satu cabaran yang sering kali kita terlepas pandang dalam perbelanjaan ialah mengikuti keadaan trend masa kini. Kita mudah terpengaruh dengan benda yang baharu dan terus berbelanja tanpa

menyadari nilai dan manfaat yang kita dapat daripadanya. Di samping itu, teknologi masa kini seperti telefon bimbit atau komputer menjadi platform untuk membeli belah secara dalam talian ataupun online shopping dengan hanya menggunakan hujung jari sahaja. Oleh itu, kita mudah untuk berbelanja secara dalam talian tanpa menghiraukan tentang harga dan kebanyakannya.

Hindari jenayah siber

Jenayah siber menjadi cabaran utama dalam mengurus kewangan pada masa kini. Modus operandi jenayah ini dilakukan melalui kaedah penggunaan teknologi untuk menipu, mencuri atau mengambil kesempatan terhadap orang lain seperti scam atau skim cepat kaya. Penjenayah menawarkan pelaburan atau iklan yang menjanjikan pelaburan yang tinggi dan penjualan dengan harga terendah dalam masa yang singkat tanpa risiko. Ramai mangsa sudah terjerat dengan jenayah ini sehingga kehilangan simpanan mereka kerana mudah terpengaruh dengan penipuan malah ada yang kerugian dengan angka jumlah wang yang besar. Ini kerana jenayah siber yang semakin berleluasa melalui platform media sosial dan mudah diakses oleh para pengguna. Jenayah ini membuat helah untuk mendapatkan kepercayaan kita untuk mengaut keuntungan dan mencuri harta benda kita. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bersikap ubaya-ubaya dan sentiasa berwaspada agar tidak mudah percaya

dengan iklan atau promosi yang tidak diketahui sumber dan kesahihannya serta membuat laporan kepada pihak tertentu.

Utamakan berjimat cermat

Amalan berjimat cermat menjadi keutamaan dalam membantu mengawal perbelanjaan harian. Dengan merancang perbelanjaan secara teratur, kita dapat mengelakkan pembelian barangan yang tidak diperlukan. Selain itu, wang yang disimpan boleh digunakan apabila menghadapi kecemasan seperti masalah kesihatan. Amalan ini juga dapat mengurangkan beban hutang kerana apabila seseorang itu mempunyai baki simpanan dan rajin menabung akan membantu untuk menyelesaikan masalah kewangan. Individu yang bijak mengurus kewangan dan tidak mudah terpengaruh dengan gaya hidup mewah membolehkan mereka hidup dengan lebih tenang dan selesa tanpa menghiraukan kesempitan kewangan.

Peranan berjimat cermat terhadap ekonomi

Berjimat cermat dapat membantu meningkatkan ekonomi keluarga dan negara. Apabila masyarakat mengamalkan sikap berjimat cermat dalam berbelanja, kestabilan kewangan seseorang itu dapat dicapai dan pembaziran dapat dikurangkan. Sikap ini dapat memupuk nilai disiplin dan tanggungjawab dalam diri seseorang kerana berjimat cermat boleh mendisiplinkan individu itu untuk lebih bijak dalam mengurus kewangan. Dengan adanya simpanan yang kukuh, ia dapat mengurangkan tekanan kewangan dan meningkatkan kesejahteraan hidup.

Utamakan keperluan

Berbelanja atas keperluan adalah sangat penting dibandingkan dengan kemahuan kerana kita perlu mengutamakan pembelian barangan yang penting terlebih dahulu sebelum berbelanja untuk berhibur. Berbelanja atas keperluan adalah asas yang diperlukan dalam kehidupan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan. Manakala, kemahuan pula ialah perkara yang tidak begitu penting seperti hiburan berlebihan atau kemewahan. Mengamalkan berbelanja mengikut keperluan dapat membantu kita mengurus kewangan dengan lebih bijak. Oleh itu, mengutamakan keperluan berbanding kemahuan merupakan langkah penting untuk mencapai kestabilan kewangan dan kehidupan yang lebih teratur.

Kesimpulan

Amalan berjimat cermat merupakan kunci utama kestabilan ekonomi bagi setiap individu kerana dapat membantu mengurus kewangan dengan lebih baik serta masa depan yang lebih terjamin. Sediakan payung sebelum hujan, berjimat cermat sejak kecil adalah persediaan awal untuk kegunaan masa depan dan persiapan jika mengalami sebarang kecemasan yang memerlukan kewangan pada masa akan datang. Berjimat cermat dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana masyarakat akan lebih berdisiplin dalam mengurus dan mengawal kewangan. Oleh itu, amalan ini perlu kita terapkan sejak kecil agar menjadi budaya dalam kehidupan supaya kesejahteraan ekonomi negara dan individu dapat dinikmati bersama.



Belia Berwawasan



Muhammad Miqdam : Melakar identiti negara dengan warna, sains dan semangat

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Ihsan Muhammad Miqdam Zaini

MEMBESAR dengan melihat ibu melukis di dinding rumah setiap tahun telah menjadikannya sebagai 'sekolah seni' pertama bagi seorang anak tempatan yang menjadikan seni lukisan sebahagian dari kehidupannya. Muhammad Miqdam bin Zaini terus mengorak langkah dalam memperjuangkan dunia kesenian tanah air.

Kini, pada usia 32 tahun, anak muda dari Temburong ini sudah mengembara jauh menuntut ilmu seni lukisnya. Berbekalkan pendidikan dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam pada tahun 2010; Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah pada tahun 2012; Kolej Restu Shah Alam, Malaysia (2014) hingga Kosygina University Russia (2018), Miqdam kini komited menghasilkan karya yang bukan sahaja indah, malah membawa mesej dan memartabatkan identiti Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Sebagai seorang anak jati negara ini, seni

adalah cara bernafas, untuk berbicara dan untuk meninggalkan jejak. Perjalanan saya dalam dunia seni bermula seawal usia kecil dan ia dicetuskan oleh ibu saya sendiri yang sering melakar karya di dinding-dinding rumah setiap tahun dan dari situlah saya mula jatuh cinta dengan seni," cerita Miqdam dalam temu bual bersama penulis ruangan Belia Berwawasan.

Tiada had dalam berkarya

Keunikan Miqdam terletak pada keberaniannya bereksperimen. Beliau tidak terikat dengan satu medium sahaja.

"Saya menggunakan segala medium untuk menciptakan karya, sama ada secara tradisi atau digital," jelasnya.

Antara medium yang diterokai termasuk catan air, akrilik, *oil painting*, kraf tangan dan *installations*. Lebih menarik, beliau turut menggabungkan ilmu matematik dan sains ke dalam karyanya.

"Seni tidak mempunyai had, kerana itu saya tetap ingin menciptakan karya dengan sesuatu yang baharu," tegasnya.

Bagi Miqdam, setiap karya yang dihasilkan membawa mesej tersendiri. Namun mesej utama yang ingin beliau sampaikan adalah mudah, "Terus melakukan yang terbaik selagi masih bernafas".

Cabaran dan semangat seorang seniman

Perjalanan sebagai seniman tidak selalu mudah. Cabaran terbesar bagi Miqdam adalah untuk sentiasa menyokong diri sendiri. Tambahan pula, mendapatkan peralatan berkualiti dan kurangnya sokongan serta penghargaan masyarakat tempatan turut menjadi halangan.

Namun apabila semangatnya memudar, Miqdam mempunyai caranya tersendiri untuk kembali bangkit. Bagi Miqdam, ia akan melakukan setiap cabaran lain yang beliau ingin capai. Dari sana secara perlahan, idea, inspirasi dan juga motivasi mula kembali.

Seni untuk negara dan generasi

Sebagai belia yang berwawasan, Miqdam percaya bakat-bakat belia seni memainkan peranan penting dalam masyarakat seperti mengekalkan identiti negara sama ada melalui sebuah lakaran secara visual atau pertunjukan.

Malah, beliau melihat seni sebagai platform untuk melahirkan generasi belia seni yang baharu, yang mampu memperjuangkan taraf kesenian Brunei ke peringkat global.

Nasihat buat bakal seniman

Kepada yang ingin menjadikan seni sebagai kerjaya, Miqdam turut menasihatkan agar terus mencipta tanpa mengira waktu kerana tanpa sedar akan ada orang yang menghargai waktu awda. Seterusnya jangan bandingkan diri dengan orang lain kerana itu boleh membunuh diri sendiri secara perlahan. Justeru, berkualah dengan apa yang ada dengan menggunakan segala yang ada di sekeliling kita.



WAKIL PBB GESA TINGKAT SOKONGAN KESELAMATAN UNTUK HAITI

NEW YORK, 29 Ogos. - Wakil khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Haiti pada Jumaat menggesa peningkatan sokongan keselamatan antarabangsa untuk negara itu susulan satu pembunuhan beramai-ramai oleh kumpulan samseng yang mengorbankan sekurang-kurangnya 47 orang, lapor Xinhua.

Ruiz Massieu, wakil khas Setiausaha Agung PBB dan ketua Pejabat Bersepadu PBB di Haiti, membuat rayuan itu dalam mesyuarat tergempar Majlis Keselamatan selepas kumpulan

samseng membunuh sekurang-kurangnya 47 orang di kawasan Kenscoff, berhampiran ibu kota Port-au-Prince, awal minggu ini.

"Insiden menyayat hati terbaharu ini merupakan peringatan jelas mengenai keperluan mendesak untuk terus memperkukuh sokongan keselamatan antarabangsa bagi Haiti," katanya.

Pihak berkuasa Haiti pada Rabu menggembelng Polis Kebangsaan Haiti, Angkatan Tentera Haiti dan Pasukan Pembasmian Geng (GSF) pelbagai negara bagi menilai situasi serta menyelaraskan operasi.

GSF akan memperkukuh

kehadirannya di kawasan Port-au-Prince manakala pasukan keselamatan negara akan mempertingkatkan penempatan anggota di Kenscoff, kata Massieu.

"Institusi keselamatan negara tidak boleh dibiarkan menghadapi ancaman ini tanpa sokongan mencukupi. GSF ialah komponen penting dalam tindak balas antarabangsa yang diberi mandat oleh Majlis (Keselamatan) ini. Penempatannya yang pantas dan menyeluruh adalah amat penting," katanya.

Massieu menegaskan kerjasama berterusan antara pihak berkuasa Haiti dan GSF penting

bagi melindungi masyarakat serta memulihkan keyakinan orang ramai.

Serangan itu berlaku pada saat kritikal dalam peralihan politik Haiti. Tanpa peningkatan tahap keselamatan, usaha memperkukuh tadbir urus, memajukan proses politik dan membuat persiapan bagi pilihan raya akan terus menghadapi kekangan yang serius, katanya.

Bagaimanapun, operasi keselamatan sahaja tidak dapat memberikan kestabilan yang berkekalan, Massieu memberi amaran.

Ia mesti disertai usaha memulihkan kuasa negeri dan perkhidmatan asas, membuka semula sekolah dan kemudahan kesihatan, mewujudkan peluang mata pencarian dan mengurangkan keganasan komuniti.

Beliau turut menyeru laluan yang boleh dipercayai untuk melepaskan diri daripada kumpulan samseng,

terutamanya untuk kanak-kanak dan golongan muda yang direkrut dan dieksploitasi oleh mereka, serta akauntabiliti bagi pihak yang bertanggungjawab atas keganasan kumpulan samseng dan mereka yang membiayai dan mempersenjatai kumpulan itu.

Pengaktifan unit kehakiman khusus untuk menyiasat jenayah besar-besaran, keganasan seksual dan jenayah kewangan akan menjadi penting untuk memperkukuh kedaulatan undang-undang serta memulihkan keyakinan orang ramai terhadap institusi negeri, katanya.

"PBB kekal komited sepenuhnya untuk menyokong usaha yang dipimpin oleh Haiti demi meningkatkan keselamatan, memajukan proses politik dan mewujudkan keadaan yang diperlukan untuk sebuah negara yang aman, inklusif dan stabil," kata Massieu. - ©BERNAMA

400 kapal terkandas di teluk akibat perang Asia Barat

ISTANBUL, 29 Ogos. - Kira-kira 400 kapal dan 6,000 pelaut terkandas di Teluk, enam bulan selepas perang di Asia Barat bermula, menurut Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi.

"Walaupun sesetengah kapal dan kru berjaya meninggalkan Teluk, sehingga 400 kapal yang membawa kira-kira 6,000 pelaut tidak dapat berlepas dengan selamat sejak konflik bermula," kata Arsenio Dominguez, ketua IMO.

Beliau menyifatkan situasi di Selat Hormuz, jalan air strategik yang menjadi laluan bagi satu perlima perdagangan minyak

global, sebagai "belum selesai".

Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu mengesahkan sekurang-kurangnya 70 serangan terhadap perkapalan antarabangsa berlaku sejak perang bermula pada 28 Februari, yang mengakibatkan kematian 19 pelaut.

Dominguez menegaskan gangguan terhadap rantai bekalan penting bagi bahan api dan baja membawa akibat yang "serius" kepada masyarakat dan ekonomi di seluruh dunia. Beliau berkata situasi itu amat membimbangkan bagi ribuan pekerja yang "tidak bersalah" yang hidup dalam keadaan "risiko dan ketidakpastian

yang tinggi".

Dominguez menggesa agar wujud "semangat politik diperbaharui" dalam kalangan negara anggota dan industri perkapalan bagi memulihkan kebebasan pelayaran melalui jalan air tersebut.

Amerika Syarikat dan Republik Islam Iran menandatangani memorandum persefahaman pada Jun dan memulakan rundingan ke arah perjanjian muktamad. Bagaimanapun, rundingan itu kemudiannya terhenti akibat perbezaan pendapat mengenai jaminan keselamatan dan kebebasan pelayaran di Selat Hormuz. - ©BERNAMA

Kemarau, gelombang haba jejas kesihatan hutan di Eropah - UNECE

GENEVA, 29 Ogos. - Kemarau serta kekurangan hujan yang ketara, yang kini melanda separuh daripada wilayah Kesatuan Eropah (EU) dan Britain, menjejaskan kelembapan tanah dan kesihatan hutan secara kritikal, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan akhbar Suruhanjaya Ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Eropah (UNECE) pada Jumaat, keadaan kemarau teruk dan suhu musim panas yang memecahkan rekod di seluruh negara anggota UNECE, khususnya di Eropah dan Amerika Utara, sedang meningkatkan

tekanan terhadap ekosistem hutan.

"Gabungan krisis yang melibatkan kemarau berpanjangan, tekanan haba, risiko kebakaran hutan, serta gangguan sekunder seperti wabak kumbang kulit kayu yang agresif dan aktiviti penyakit fitopatogenik, sedang menyebabkan fenomena kemerosotan dan kematian hutan pada skala yang belum pernah berlaku sebelum ini di seluruh rantau tersebut," menurut suruhanjaya itu.

Di Eropah Barat dan Tengah, kekurangan hujan yang luar biasa,

dengan beberapa wilayah mengalami tempoh kekurangan hujan tahunan paling lama dan konsisten dalam tempoh lebih enam dekad, telah menyebabkan kerosakan meluas kanopi hutan, menurut UNECE.

UNECE memberi amaran bahawa populasi pokok di kawasan bandar di seluruh rantau itu turut terjejas akibat fenomena pulau haba bandar yang ekstrem dan kekurangan air sekali gus mengancam daya tahan iklim perbandaran, kualiti udara dan kesejahteraan orang ramai. - ©BERNAMA

Chile, Argentina, Bolivia, Peru meterai deklarasi mengenai mineral strategik

SANTIAGO, 29 Ogos. - Pihak berkuasa perlombongan Chile, Argentina, Bolivia dan Peru menandatangani satu deklarasi bersama pada Jumaat untuk memperkukuh kerjasama serantau berhubung mineral strategik, susulan peningkatan permintaan global berkaitan peralihan tenaga dan teknologi baharu, lapor Xinhua.

Deklarasi tersebut menggesa pelaburan yang bertanggungjawab, rantai bekalan lebih kukuh serta kerjasama teknikal diperluas bagi memanfaatkan potensi rantau itu dalam sumber mineral seperti tembaga dan litium, yang penting untuk peralatan berteknologi tinggi.

Dokumen itu ditandatangani Menteri Ekonomi dan Perlombongan Chile Daniel Mas, Setiausaha Perlombongan Argentina Luis Lucero, Timbalan Menteri Dasar, Peraturan dan Pemantauan Perlombongan Bolivia Walter Landivar dan Menteri Tenaga dan Perlombongan Peru Guillermo Shinno.

Mas berkata peralihan tenaga dan pembangunan infrastruktur Kecerdasan Buatan boleh meningkatkan permintaan terhadap mineral kritikal sebanyak 400 hingga 600 peratus dalam tempoh sedekad akan datang sekali gus menjadikan bekalan global yang stabil semakin penting.

Perjanjian itu mewujudkan kumpulan kerja untuk berkongsi maklumat geologi, menyelaraskan kriteria pemantauan serta dasar sektor dan membangunkan modal insan berkepakaran.

Keempat-empat negara itu juga bersetuju untuk mendapatkan sokongan teknikal dan kewangan daripada pertubuhan pelbagai hala bagi projek penyelidikan, pembangunan dan inovasi bersama. - ©BERNAMA

7 maut, 554 hilang selepas tanah runtuh di pelabuhan sempadan Tibet, Republik Rakyat China

LHASA, 29 Ogos. - Tujuh orang terkorban dan 554 lagi masih hilang selepas kejadian tanah runtuh melanda Pelabuhan Gyirong di sepanjang sempadan Republik Rakyat China-Nepal, di Wilayah Autonomi Xizang (Tibet), barat daya Republik Rakyat China.

Dua penduduk tempatan telah diselamatkan setakat 1 pagi Sabtu, lapor Xinhua memetik jabatan pengurusan kecemasan wilayah itu.

Sebanyak 2,141 anggota penyelamat serta 86 pakar daripada bidang sumber asli dan bidang berkaitan telah dikerahkan ke kawasan bencana tersebut.

Berbekalkan peralatan khusus, mereka telah mempergiat pemeriksaan terhadap risiko geologi di kawasan cerun, jalan raya dan zon kritikal lain di sekitarnya.

Sebuah pos pemantauan yang dianggotai lima orang ditubuhkan bagi memantau tasik empangan secara berterusan serta mengawasi kemungkinan berlakunya bencana susulan.

Selain itu, laluan jalan raya sepanjang 1.02 kilometer telah dibersihkan dan dibuka semula untuk lalu lintas.

Kejadian tanah runtuh, yang bermula di bahagian wilayah Nepal, melanda Pelabuhan Gyirong di Kaunti Gyirong, Xizang pada pagi Rabu. - ©BERNAMA

Raja termuda di dunia mangkat pada usia 34 tahun

KAMPALA, 29 Ogos. - Raja kerajaan tradisional Tooro di Uganda, Raja Oyo Nyimba Kabamba Iguru Rukidi IV, mangkat pada usia 34 tahun.

Perkara itu diumumkan perdana menteri negara tersebut pada Jumaat, lapor Agensi Berita Jerman, DPA.

Menurut laporan media yang tidak disahkan kerajaan Uganda, baginda menghembuskan nafas terakhir ketika menerima rawatan di Amerika Syarikat selepas berbulan-bulan berjuang melawan

penyakit kanser.

Raja Oyo, yang ditabalkan ketika berusia tiga tahun, diiktiraf tahun lepas oleh Guinness Book of Records sebagai raja yang sedang memerintah paling muda di dunia.

Media Uganda, termasuk stesen televisyen, akhbar dan media sosial, melaporkan secara meluas mengenai kemangkatan raja muda itu, yang merupakan seorang peminat sukan dan aktivis alam sekitar.

Presiden Uganda, Yoweri

Museveni, memulihkan semula kerajaan-kerajaan tradisional di negara Afrika Timur itu selepas bekas presiden Milton Obote memansuhkannya pada 1960-an.

Raja-raja yang memerintah di Uganda dilarang oleh undang-undang daripada terlibat dalam aktiviti politik. Mereka hanya mengambil bahagian dalam kempen berkaitan isuseperti pemeliharaan alam sekitar atau kesihatan, serta memainkan peranan istiadat dalam pelantikan ketua kaum. - ©BERNAMA

CUNGKIL BAKAT, POTENSI PELAJAR DALAM BADMINTON

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Sekolah Rendah Pintu Malim menjuarai Festival Badminton Sekolah-sekolah Rendah Brunei Darussalam Tahun 2026 bagi Kategori Unified Lelaki.

Naib juara disandang oleh Sekolah Rendah Freda Radin dan tempat ketiga bersama ialah Sekolah Rendah Pantai Berakas dan Sekolah Rendah Dato Basir.

Manakala juara Kategori Unified Perempuan pula disandang oleh Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya

Pengiran Abdul Momin dan naib juara ialah Sekolah Rendah Dato Basir dan tempat ketiga bersama ialah Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49 dan Sekolah Rendah Pantai Berakas.

Sementara itu, Sekolah Chung Hwa menjuarai bagi Kategori Beregu Berpasukan, naib juara disandang oleh Sekolah St. Andrew's diikuti tempat ketiga bersama ialah Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Sengkarai dan Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu yang berlangsung di Gelanggang Badminton Pusat Belia.

Festival tersebut dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan serta sokongan Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam yang melibatkan sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan serta Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebanyak 31 buah pasukan yang dibahagikan kepada lapan kumpulan menyertai festival tersebut.

Festival ini bertujuan untuk mencungkil bakat dan potensi pelajar dalam sukan badminton, di samping menggalakkan penyertaan yang lebih inklusif melalui penglibatan pelajar berkeperluan khas.

Ia juga menjadi platform untuk memperkukuh jaringan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan serta menerapkan nilai-nilai murni seperti gaya hidup sihat, disiplin, daya tahan, kepimpinan dan semangat berpasukan melalui sukan.

20 pasukan bersaing merebut Piala Keputeraan

Oleh : Ihsan Urus Setia Kejohanan Futsal Piala Keputeraan 2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Ogos. - Kejohanan Futsal Piala Keputeraan 2026 bakal menyaksikan persaingan 20 pasukan tempatan dan luar negara, termasuk pasukan elit dari Republik Singapura dan Malaysia.

Kejohanan dwitahunan yang dinanti-nantikan itu merupakan antara acara bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Peringkat Daerah Brunei dan Muara.

Pengerusi Bersama Kejohanan, Awang Thomas Koh melahirkan keyakinan bahawa kejohanan edisi kali ini akan menyaksikan perlawanan yang lebih sengit, menarik dan mendebarkan dengan penyertaan pasukan-pasukan terbaik dari dalam dan luar negara.

"Kejohanan ini akan menjadi medan untuk menguji kemantapan setiap pasukan, di samping menjadi platform untuk menggilap pemain-pemain berbakat yang berpotensi dipilih ke peringkat kebangsaan," jelasnya.

Kejohanan akan dibahagikan kepada empat kumpulan yang akan beraksi secara liga sebelum pasukan-pasukan terbaik mara ke pusingan suku akhir, diikuti peringkat separuh akhir dan perlawanan akhir.

Pasukan dari Malaysia yang menyertai kejohanan berkenaan termasuk DS X Kota, Makkah FC dan Wirajaya FC, manakala Republik Singapura akan diwakili ASEAN Futsal.

Sementara itu, pasukan-pasukan tempatan yang mengambil bahagian ialah Wasik FC, BK Sahabat, MSSSBD, ISC FC, KAR, PES, Syah Kampong, SBC, Aircat FC, YND dan Fenix FT.

Mesyuarat pengurus-pengurus pasukan dan cabutan undi kejohanan akan diadakan pada 1 September 2026, bertempat di Dewan Teater, Aras Bawah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, pada jam 8.00 malam.

DPMM FC tewas kepada KL City FC

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman, Tangkap Layar RTBGo

KUALA LUMPUR, Sabtu, 29 Ogos. - Perlawanan terbaharu Liga Super Malaysia 2026/27 menyaksikan DPMM FC tewas kepada Kuala Lumpur City FC (KL City FC) dengan keputusan 0 -1 pada perlawanan yang berlangsung petang tadi di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras.

Pada separuh masa pertama menyaksikan DPMM FC bijak mengawal permainan dengan melakukan beberapa serangan bertubi-tubi ke atas KL City FC yang masih mencari-cari rentak dalam permainan namun gagal menjaringkan sebarang gol.

Keadaan bertukar menjadi tegang saat Pengurus DPMM FC, Mcallister James Reynold dilayangkan kad merah dalam keadaan perlawanan padang yang rancak dikuasai oleh pasukan lawan KL City FC.

Walau bagaimanapun, pujian perlu diberikan kepada DPMM FC kerana mahir menunjukkan prestasi permainan yang baik serta bijak mengatur serangan walaupun sering dikasari oleh pasukan lawan.

Sementra pada babak kedua perlawanan pula menyaksikan kedua-dua pasukan saling menunjukkan penguasaan permainan yang lebih baik dengan para pemain saling melancarkan beberapa serangan ke atas gawang masing-masing.

Namun memasuki minit ke-93 dalam masa tambahan, KL City FC berjaya menjaringkan gol tunggal mereka menerusi sentuhan penyudah yang dibuat oleh Paulo Josue, sekali gus berjaya mengutip mata pertama mereka pada liga musim ini selepas dilanda rantaian kontroversi, apabila masalah di luar padang menjejaskan perjalanan skuad mereka sehingga kehilangan enam mata.

Menerusi perlawanan berkenaan kini DPMM FC menduduki tangga keenam carta Liga Super Malaysia 2026/27.

Perlawanan seterusnya bagi DPMM FC adalah menentang Terengganu FC pada kejohanan Piala FA Malaysia (Pusingan 16 Terakhir, Perlawanan Pertama) yang akan berlangsung pada Selasa, 1 September 2026, pukul 8.15 malam bertempat di gelanggang sendiri, Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.



ANTARA aksi perlawanan Liga Super Malaysia 2026/27 menyaksikan DPMM FC tewas kepada Kuala Lumpur City FC.

Perlawanan Tarik Kalat Terbuka Brunei labuh tirai



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Ahad, 30 Ogos. - Pasukan Gerambeat dan Pasukan KB Bull 'B' muncul johan Perlawanan Tarik Kalat Terbuka Brunei sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026.

Majlis Penutup Perlawanan Tarik Kalat yang dianjurkan oleh Jabatan Daerah Tutong itu telah berjalan selama dua hari, bermula 29 hingga 30 Ogos 2026, bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang. Perlawanan Tarik Kalat Terbuka Brunei 2026 mempertandingkan dua kategori, iaitu Kategori Ringan 560 kilogram (kg) dan Kategori Berat 680kg.

Kategori Ringan 560kg disertai oleh 16 pasukan, manakala Kategori Berat 680kg disertai oleh 12

pasukan.

Turut mengambil bahagian ialah pasukan jemputan dari Sabah dan Sarawak, dengan penyertaan sebanyak tiga pasukan bagi Kategori Ringan 560kg dan tiga pasukan bagi Kategori Berat 680kg. Dalam Kategori Berat 680kg, gelaran johan telah dimenangi oleh Pasukan Gerambeat dari Sabah yang membawa pulang piala iringan, pingat serta hadiah wang tunai berjumlah BND1,800 diikuti naib johan yang disandang oleh Pasukan Chainblock sekali gus menerima piala iringan, pingat serta hadiah wang tunai sebanyak BND1,200.

Tempat ketiga pula dimenangi oleh Pasukan Rudal D9 dari Limbang yang menerima piala iringan, medal serta hadiah wang tunai berjumlah BND800, manakala tempat keempat disandang oleh Pasukan MS PPDB 'B' yang menerima piala iringan, pingat serta hadiah wang tunai berjumlah BND500.

Bagi Kategori Ringan 560kg pula, Pasukan KB Bull 'B' muncul sebagai johan dengan membawa pulang piala iringan, pingat serta hadiah wang tunai berjumlah BND1,800 diikuti naib

johan oleh Pasukan Bros Extreme yang menerima piala iringan, medal serta hadiah wang tunai sebanyak BND1,200.

Sementara itu, tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Gerambeat dari Sabah yang membawa pulang piala iringan, pingat serta hadiah wang tunai berjumlah BND800 manakala tempat keempat pula disandang oleh Pasukan KB Bull 'A' yang menerima piala iringan, pingat serta hadiah wang tunai berjumlah BND500.

Penganjuran Perlawanan Tarik Kalat Terbuka Brunei 2026 merupakan salah satu inisiatif bagi menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026, di samping memperkasa penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan dan kemasyarakatan.

Selain itu, perlawanan berkenaan turut menjadi wadah bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan peserta, penganjur dan peminat sukan tarik kalat, di samping memupuk semangat kesukanan, disiplin, kerjasama berpasukan dan setia kawan.

Penganjuran Perlawanan Tarik Kalat Terbuka Brunei 2026 diharap dapat terus menyumbang kepada usaha memperkasa penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan dan kemasyarakatan, di samping memupuk nilai kesukanan, disiplin, kerjasama berpasukan dan semangat setia kawan dalam kalangan peserta.

Acara seumpama ini juga diharap dapat memelihara dan memperkenalkan sukan tradisi tarik kalat kepada generasi muda, sekali gus menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026.



ePaper Pelita Brunei



TASKA, SR YSHHB ANJUR KARNIVAL HARI KELUARGA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu kehormat pada Karnival Hari Keluarga dan seterusnya menyaksikan persembahan karate (atas dan atas kanan), manakala gambar bawah kanan, acara turut dimeriahkan dengan senamrobik.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Ogos. - Sambutan Jubli Perak sempena 25 Tahun Penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA) dan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Sekolah Rendah YSHHB) diteruskan hari ini dengan penganjuran Karnival Hari Keluarga.

Karnival yang diadakan di sekitar kawasan sekolah tersebut

menghimpunkan warga sekolah termasuk para pelajar, ibu bapa, guru-guru, alumni serta para jemputan dalam suasana penuh meriah dan kekeluargaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Terdahulu, majlis dimulakan

dengan sesi bergambar ramai, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan bacaan Surah Al-Fatihah.

Majlis kemudiannya diserikan dengan persembahan khas daripada Kumpulan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta persembahan daripada Kelab Karate Sekolah Rendah YSHHB.

Tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan perasmian Karnival Hari Keluarga sebelum menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada agensi-agensi yang terlibat dalam menjayakan karnival berkenaan. Tetamu kehormat kemudiannya dibawa melawat pelbagai aktiviti karnival dan petak-petak jualan yang disediakan.

Karnival Hari Keluarga diadakan sebagai salah satu pengisian Sambutan Jubli Perak TASKA dan Sekolah Rendah YSHHB, di samping menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa, pelajar, alumni serta masyarakat.

Penganjuran Karnival Hari Keluarga Jubli Perak ini bukan sahaja menjadi sebahagian daripada acara memperingati 25

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hasif Matzin

tahun perjalanan TASKA dan Sekolah Rendah YSHHB, malah turut mencerminkan penghargaan kepada seluruh warga sekolah, ibu bapa, alumni

dan pihak-pihak yang telah memberikan sokongan serta sumbangan kepada perkembangan TASKA dan Sekolah Rendah YSHHB.



Bomba 'B' juara Kejohanan Sepak Takraw Regu Terbuka



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang (kiri), manakala gambar kanan, antara aksi pada Kejohanan Sepak Takraw Regu Terbuka berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Ogos. - Pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat 'B' (Bomba 'B') muncul juara pada Kejohanan Sepak Takraw Regu Terbuka sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, diadakan di Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Pada perlawanan akhir tersebut, Bomba 'B' berjaya menewaskan Muara Spurs 'A' dalam dua set perlawanan yang berkesudahan 17 - 16 dan 15 - 11.

Dengan keputusan tersebut, Muara Spurs 'A' menyandang naib juara, manakala tempat ketiga bersama diraih oleh Majlis

Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) 'B' dan Jabatan Bomba dan Penyelamat 'A' (Bomba 'A').

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan hadiah-hadiah kejohanan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh; Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat, Awang

Haji Nohi Irwan Surkarki bin Haji Pawi dan Presiden Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohd. Noor bin Haji Abdul Hamid.

Kejohanan tahunan anjuran Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara itu diadakan selama dua hari bermula Jumaat, 28 Ogos lalu.

Sebanyak 24 pasukan menyertai kejohanan kali ini terdiri daripada Bomba 'A', Bomba 'B', Bomba 'C', Brunei Legend 'A', Brunei Legend 'B', Bru Veteran, Deno FC, JBS Skim 'A', JBS Skim 'B', Miharbi 'A', Miharbi 'B', MS ABDB 'A', MS ABDB 'B', MS ABDB 'C', MS ABDB 'D', MS Polis 'A', MS Polis 'B', MS Polis 'C', Muara Spurs 'A', Muara Spurs 'B', Penglima, Permata Hijau 'A', Permata Hijau 'B' dan Sengkurong.

Selain memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, kejohanan berkenaan turut menjadi platform untuk mencungkil dan mengembangkan bakat serta potensi pemain dalam sepak takraw.

Penganjuran kejohanan tersebut juga diharap dapat melahirkan lebih ramai pemain berpotensi serta menyediakan barisan pelapis yang boleh diketengahkan dan diserapkan ke dalam pasukan kebangsaan pada masa akan datang.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LUANGKAN MASA LAPANG DENGAN KELUARGA, TINGKATKAN KUALITI HIDUP DENGAN MENGERATKAN SILATURAHIM